

# BAB 1 : EKONOMI DAN KERAJAAN


## 1.1 Peranan kerajaan dalam Ekonomi

### 1.1.1 Peranan Kerajaan sebagai Pengeluar dan Majikan

#### Maksud kerajaan

- Kerajaan merupakan suatu unit ekonomi yang menjalankan kegiatan ekonomi dengan matlamat untuk meningkatkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat

#### Peranan Kerajaan



#### i. Peranan kerajaan sebagai pengeluar

- Kerajaan berperanan sebagai pengeluar barang awam dan barang sosial
- Barang-barang ini tidak disediakan oleh pihak swasta kerana tidak menguntungkan
- Kebajikan masyarakat akan terjejas sekiranya barang-barang ini tidak disediakan

Barang awam	Ciri-ciri	Barang sosial
Barang yang dapat digunakan oleh seseorang individu tanpa mengurangkan faedah penggunaan individu lain dan tidak boleh menghalang individu lain daripada menggunakannya.	<b>Maksud</b>	Barang sosial ialah barang atau perkhidmatan yang membawa manfaat terbesar kepada semua masyarakat
Kerajaan	<b>Pengeluar</b>	Kerajaan
Tidak perlu / sedikit bayaran	<b>Bayaran</b>	Tidak perlu bayaran
Semua orang	<b>Pengguna</b>	Semua orang
Sekolah, hospital, jalan raya	<b>Contoh</b>	Air terawat, rakyat celik huruf, kesihatan rakyat meningkat

### Monopoli semula jadi kerajaan

Monopoli semula jadi merupakan monopoli kerajaan, iaitu pengeluaran barang atau perkhidmatan dibenarkan untuk dikeluarkan oleh firma berkaitan kerajaan

- Pengeluaran barang awam dan barang sosial memerlukan kos modal yang tinggi
- Hanya mampu dibiayai oleh kerajaan melalui dana kutipan cukai dari masyarakat
- Kos modal yang tinggi menjadi halangan bagi pengeluar swasta lain untuk menghasilkan barang tersebut
- Sebagai pengeluar tunggal dalam industri, kerajaan boleh mengawal harga barang keluaran untuk menjamin kebajikan masyarakat

### Ciri-ciri pasaran monopoli semula jadi

<b>Satu firma sahaja</b>	• Hanya sebuah firma sahaja yang mengeluarkan barang atau perkhidmatan tertentu seperti bekalan elektrik (TNB)
<b>Keluaran tidak ada pengganti</b>	• Barang keluaran firma kerajaan tidak dikeluarkan oleh firma lain
<b>Penentu harga pasaran</b>	• Kerajaan yang menentukan harga barangan atau perkhidmatan yang dikeluarkan
<b>Tiada kebebasan keluar masuk industri</b>	• Wujud halangan atas kebebasan firma lain untuk keluar dan masuk pasaran. Contoh halangan perlindungan undang-undang dan kos modal yang tinggi


ii. **Peranan kerajaan sebagai majikan**

- Kerajaan menawarkan peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan awam kepada guna tenaga di negara ini
- Contoh pekerjaan ialah tentera, polis dan guru
- Peluang pekerjaan yang disediakan dapat menjana pendapatan kepada penjawat awam dan meningkatkan taraf hidup kerana kuasa beli meningkat
- Peningkatan permintaan barang dan perkhidmatan akan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dalam negara
- Kerajaan juga menawarkan pelbagai faedah sampingan kepada kakitangan awam seperti elaun perumahan, elaun sara hidup, kemudahan pinjaman perumahan cuti tahunan, pencen selepas bersara dan lain-lain.

1.1.2 *Peranan Kerajaan Untuk Mencapai Objektif Makroekonomi Negara*

Makroekonomi merujuk kepada kajian mengenai ekonomi secara menyeluruh dalam isu umum seperti pendapatan atau keluaran negara, guna tenaga dan masalah pengangguran


- Objektif makroekonomi yang ingin dicapai oleh kerajaan selaras dengan matlamatnya untuk memaksimumkan kebajikan masyarakat.
- Antara objektif makroekonomi kerajaan adalah seperti berikut :



**a) Guna tenaga penuh**


- Guna tenaga penuh merujuk kepada **kadar pengangguran** di sesebuah negara berada pada paras yang rendah iaitu kurang daripada **4%**
- **Guna tenaga** mengukur jumlah tenaga buruh yang digunakan oleh sesebuah negara dalam pengeluaran barang dan perkhidmatan
- **Pengangguran** mengukur jumlah tenaga buruh yang tidak digunakan / tidak terlibat dalam sebarang kegiatan ekonomi
- Guna tenaga tinggi menunjukkan kegiatan ekonomi banyak dijalankan
- Jumlah barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan di pasaran adalah banyak

- Tingkat pendapatan negara meningkat dan pertumbuhan ekonomi akan bertambah baik serta meningkatkan taraf hidup masyarakat dalam keadaan guna tenaga penuh
- Kesan pencapaian guna tenaga penuh :



**b) Kestabilan harga**


- Kestabilan harga dapat menjamin kestabilan kuasa beli serta kos sara hidup masyarakat
- Ketidakstabilan harga pula boleh menjejaskan taraf hidup masyarakat
- Tingkat harga umum yang stabil wujud apabila harga purata barang tidak mengalami sebarang perubahan atau mengalami perubahan pada kadar yang rendah
- Apabila berlaku masalah inflasi dan deflasi, tingkat harga umum akan menjadi tidak stabil



**c) Pertumbuhan ekonomi**

Pertumbuhan ekonomi menunjukkan peningkatan jumlah keluaran barang dan perkhidmatan dalam sesebuah negara pada sesuatu tahun berbanding dengan tahun sebelumnya

- Prestasi ekonomi negara diukur melalui perubahan dalam tingkat keluaran negara pada sesuatu tahun berbanding dengan tahun sebelumnya
- Pertumbuhan ekonomi berlaku apabila tingkat keluaran negara bertambah
- Kesan pertumbuhan ekonomi terhadap negara :



**d) Kestabilan imbangan pembayaran**


Imbangan pembayaran ialah satu penyata kewangan yang merekodkan aliran wang masuk dan keluar kesan daripada perdagangan antarabangsa dalam tempoh satu tahun

- Imbangan pembayaran terbahagi kepada imbangan pembayaran lebihan dan imbangan pembayaran defisit
- Kerajaan berusaha mewujudkan imbangan pembayaran lebihan kerana menguntungkan negara


- Imbangan pembayaran lebih boleh diwujudkan dengan meningkatkan nilai eksport barang dan perkhidmatan serta menggalakkan kemasukan pelabur asing

Imbangan pembayaran lebih	Imbangan pembayaran defisit
Aliran wang yang masuk ke sesebuah negara lebih tinggi daripada aliran wang yang keluar ke negara lain	Aliran wang yang keluar ke luar negara melebihi aliran wang yang masuk ke dalam negara


- Kesan lebih imbangan pembayaran dan defisit imbangan pembayaran




### 1.1.3 Peranan Kerajaan Mengawal Selia Pengeluar dan Eksternaliti Negatif



- Matlamat firma untuk memaksimumkan keuntungan melalui aktiviti pengeluaran barang dan perkhidmatan mungkin menjejaskan kebajikan masyarakat dengan :
  - i. Mengeksplotasi pengguna
  - ii. Menimbulkan kesan eksternaliti negatif



- Kerajaan mempunyai kuasa untuk mengawal dan memantau aktiviti pengeluar dalam proses pengeluaran barang dan perkhidmatan melalui :



a) Undang-undang dan peraturan

Undang-undang merupakan sesuatu peraturan atau segala peraturan yang digubal oleh kerajaan dan mesti dipatuhi oleh masyarakat. Contohnya ; Akta Kawalan Harga dan Anti Percatutan

Peraturan merujuk kepada segala yang telah ditentukan dan harus dipatuhi. Pengeluar yang tidak mematuhi peraturan yang ditentukan akan dikenakan hukuman. Contohnya ; pengeluar perlu melabelkan bungkusan makanan dengan menepati kandungan sebenar makanan dan tarikh luput

**Mengawal eksploitasi pengguna :**

- Peniaga tidak dibenarkan menaikkan atau menurunkan harga barang yang dikelaskan sebagai barang kawalan tanpa persetujuan kerajaan
- Contoh barang kawalan ialah gula, ayam, susu, tepung gandum
- Kerajaan juga melaksanakan dasar harga dan kuota dengan tujuan untuk mengawal harga pasaran supaya rakyat mampu membeli

Dasar	Definisi	Kesan
<b>Dasar harga maksimum</b>	Dasar penetapan harga yang lebih rendah daripada tingkat harga keseimbangan	Kebajikan pengguna dapat dijaga supaya pengguna dapat membeli barangan dengan harga yang berpatutan
<b>Dasar harga minimum</b>	Dasar penetapan harga yang lebih tinggi daripada tingkat harga keseimbangan	Kebajikan pengeluar dapat dijaga supaya pengeluar mendapatkan keuntungan yang lebih tinggi
<b>Kuota</b>	Had penawaran sesuatu barang pada suatu tingkat kuantiti yang tertentu	Mengatasi masalah lebihan atau kekurangan barangan di pasaran

**Mengawal kesan eksternaliti negatif**

- Kerajaan mengawal aktiviti pengeluaran melalui pemberian lesen
- Firma yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan akan ditarik balik lesen dan tidak dibenarkan beroperasi
- Bagi mengurangkan kesan eksternaliti negatif atas masyarakat seperti pencemaran persekitaran akibat perkembangan sektor perindustrian, kerajaan telah menentukan kawasan perindustrian, kawasan perumahan, kawasan industri berat, dan kawasan industri ringan
- Kerajaan akan menjalankan pemantauan aktiviti pengeluaran firma dari semasa ke semasa untuk memastikan firma mematuhi peraturan yang telah ditetapkan dan tidak mengancam alam sekitar

b) Pemberian subsidi

Subsidi merupakan bantuan kewangan yang diberikan oleh kerajaan kepada sesuatu perniagaan atau sektor ekonomi.

- Motif kerajaan memberi subsidi adalah untuk menstabilkan harga barang dan mengurangkan kos pengeluaran

<b>Mengawal eksploitasi pengguna</b>	<b>Mengawal kesan eksternaliti negatif</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kerajaan memberi subsidi kepada pengeluar untuk mengawal harga barang</li> <li>- Apabila kos pengeluaran meningkat, pengeluar akan memindahkan beban kos tersebut kepada pengguna</li> <li>- Jika kerajaan memberi subsidi kepada pengeluar untuk menampung kenaikan kos pengeluaran, maka pengeluar tidak akan menaikkan harga barang dan harga barang di pasaran dapat dikawal</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pemberian subsidi oleh kerajaan boleh menggalakkan pengeluaran sesuatu barang atau perkhidmatan serta sesuatu teknik pengeluaran</li> <li>- Pengeluar yang ingin mendapat faedah daripada subsidi kerajaan akan mengeluarkan barang yang digalakkan oleh kerajaan / teknik pengeluaran yang diperkenalkan</li> <li>- Kerajaan selalunya akan memberi subsidi kepada pengeluar yang menggunakan kaedah pengeluaran mesra alam.</li> </ul>


c) Cukai

Cukai merupakan satu mekanisme yang mengumpulkan hasil daripada individu atau syarikat dan entity lain untuk membangunkan negara dengan menyediakan pelbagai kemudahan awam demi kesejahteraan rakyat

<b>Mengawal eksploitasi pengguna</b>	<b>Mengawal kesan eksternaliti negatif</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengenaan cukai akan menambahkan kos pengeluaran pengeluar, maka jumlah penawaran akan merosot</li> <li>- Kerajaan mengenakan cukai yang tinggi ke atas barang yang membahayakan kesihatan pengguna seperti rokok</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kerajaan boleh mengenakan cukai ke atas pengeluaran barang dan perkhidmatan yang membawa kesan pencemaran alam sekitar</li> <li>- Pengenaan cukai akan meningkatkan kos bagi firma dan menyebabkan firma lebih prihatin terhadap alam sekitar</li> <li>- Contoh : cukai karbon yang merupakan cukai persekitaran yang dikenakan atas kandungan bahan api</li> </ul>

**1.1.4 Matlamat Kerajaan untuk Menjaga Kebajikan Masyarakat dan Meningkatkan Kemakmuran Negara**

- Bagi mencapai matlamat di atas, kerajaan memainkan tiga peranan yang penting dalam ekonomi iaitu sebagai pengeluar dan majikan, mencapai objektif makroekonomi negara dan mengawal selia eksternaliti negatif
- Ketiga-tiga peranan ini saling berhubung kait antara satu sama lain seperti yang digambarkan dalam rajah di bawah :




Analisis Hubung Kait antara Ketiga-tiga Peranan Kerajaan dalam menjaga kebajikan masyarakat dan meningkatkan kemakmuran negara adalah seperti berikut :

peranan kerajaan sebagai pengeluar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• kerajaan mengeluarkan barang awam dan barang sosial untuk meningkatkan kesejahteraan dan taraf hidup rakyat</li> <li>• kemudahan dan infrastruktur yang disediakan merangkumi aspek keperluan asas, pekerjaan , pendidikan, kesihatan dan lain-lain</li> </ul>
peranan kerajaan sebagai majikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• dalam proses penyediaan barang-barang tersebut, kerajaan telah mencipta peluang pekerjaan kepada masyarakat dalam sektor perkhidmatan awam</li> <li>• masyarakat boleh menyumbang tenaga dari segi fizikal atau mental dan memperoleh gaji atau pendapatan sebagai ganjaran</li> </ul>
mencapai objektif guna tenaga penuh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• kadar pengangguran berkurang dan guna tenaga penuh boleh dicapai</li> </ul>
mencapai objektif pertumbuhan ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• kemudahan dan infrastruktur yang lengkap juga akan menarik pelaburan dari luar negara</li> <li>• kemasukan aliran modal ke dalam negara akan memperbanyakkan aktiviti pengeluaran dalam negara dan meransang pertumbuhan ekonomi</li> </ul>
mencapai objektif imbalan pembayaran lebihan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• imbalan pembayaran lebihan dapat dicapai jika pengaliran masuk wang melebihi pengaliran keluar wang</li> </ul>
mengawal selia pengeluar dan eksternaliti negatif	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemantauan daripada kerajaan supaya pengeluar tidak menindas kebajikan pengguna dengan mengaut keuntungan berlebihan atau mengancam kesejahteraan alam sekitar</li> <li>• Kerajaan mengenakan undang-undang dan peraturan untuk mengawal selia pengeluar dan eksternaliti negatif</li> </ul>
mencapai objektif kestabilan harga	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan campur tangan dalam ekonomi untuk mengawak kuasa pasaran supaya harga barang dapat distabilkan</li> </ul>


### 1.2 Penunjuk Ekonomi

- Penunjuk ekonomi merupakan data-data makroekonomi yang digunakan oleh penganalisis untuk mentafsir prestasi sesebuah ekonomi secara keseluruhan untuk mengkaji peluang pelaburan semasa dan akan datang
- Antara penunjuk ekonomi yang dianalisis ialah :



#### 1.2.1 Indeks Harga Pengguna (IHP)

Indeks Harga Pengguna (IHP) mengukur perubahan harga sekumpulan barang dan perkhidmatan yang terpilih dalam ekonomi bagi suatu tahun berbanding dengan suatu tahun dasar



- Pengiraan Indeks Harga Pengguna (IHP)
  - IHP mengukur harga purata barang dan perkhidmatan yang digunakan oleh isi rumah dalam tempoh masa yang ditetapkan
  - Barang dan perkhidmatan terpilih dalam pengiraan IHP merupakan item-item yang boleh mewakili corak purata pembelian oleh sekumpulan penduduk
  - Dikelaskan kepada 12 kumpulan barangan dan perkhidmatan utama dengan diberikan wajaran masing-masing :

Bil	Kumpulan barangan	Wajaran dalam IHP
1	Makanan dan minuman bukan alkohol	30.2%
2	Restoren dan hotel	2.9%
3	Minuman alkohol dan tembakau	2.9%
4	Pakaian dan kasut	3.3%
5	Pelbagai barangan dan perkhidmatan	6.5%
6	Pendidikan	1.1%

7	Pengangkutan	13.7%
8	Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	4.9%
9	Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	23.8%
10	Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan	3.8%
11	Kesihatan	1.7%
12	Komunikasi	5.2%


➤ Tahun Dasar dan Tahun Semasa

- Indeks harga pengguna diukur dengan membandingkan harga purata barangan dan perkhidmatan yang diperolehi pada tahun dasar dengan tahun semasa
- Tahun dasar merupakan suatu tahun yang tingkat harganya dijadikan asas perbandingan dengan tingkat harga bagi tahun yang berbeza
- Tahun dasar diberikan nilai indeks 100
- Tahun semasa pula merujuk kepada tahun yang ingin dikira indeks harga penggunaannya


1.2.2 Inflasi

Inflasi merujuk kepada kenaikan tingkat harga umum barang dan perkhidmatan secara berterusan dalam sesebuah ekonomi

- Indeks harga pengguna berfungsi sebagai penunjuk ekonomi yang digunakan untuk menggambarkan inflasi
- Kadar inflasi merujuk kepada peratus perubahan tingkat harga umum pada suatu tahun berbanding dengan tahun sebelumnya
- Kadar inflasi boleh dikelaskan kepada :




- Inflasi yang berlaku dalam ekonomi boleh dibahagikan kepada tiga jenis mengikut punca berlakunya seperti yang berikut :



**i) Inflasi Tarikan Permintaan**

Inflasi tarikan permintaan merujuk kepada kenaikan tingkat harga umum apabila permintaan masyarakat terhadap barang dan perkhidmatan melebihi penawarannya dalam pasaran

- Inflasi ini wujud apabila peningkatan permintaan berlaku semasa ekonomi negara berada pada tingkat guna tenaga penuh
- Ekonomi yang telah mencapai guna tenaga penuh sukar menambahkan tingkat pengeluaran dengan cepat untuk memenuhi permintaan yang melambung kerana semua faktor tenaga buruh dan bahan mentah telah digunakan sepenuhnya
- Lebihan permintaan terhadap sesuatu barang atau perkhidmatan menyebabkan harga barang tersebut dalam pasaran meningkat dan berlakunya inflasi tarikan permintaan
- Punca peningkatan jumlah permintaan dalam inflasi tarikan permintaan :



**ii) Inflasi Tolakan Kos**

Inflasi tolakan kos merujuk kepada kenaikan tingkat harga umum apabila kos pengeluaran meningkat

- Kos pengeluaran termasuklah kos bahan mentah, gaji buruh, kos sewa kilang, kos pengangkutan dan sebagainya.
- Apabila kos pengeluaran meningkat, pengeluar yang ingin mengekalkan margin keuntungan akan memindahkan beban peningkatan kos ini kepada para pengguna dengan menaikkan harga jualan barang dan perkhidmatan.
- Oleh itu, tingkat harga umum barang di pasaran akan meningkat dan berlakunya inflasi tolakan kos.


**iii) Inflasi Diimport**

Inflasi diimport merujuk kepada kenaikan tingkat harga umum apabila harga barang yang diimport dari luar negara meningkat

- Barang siap import yang mahal akan dijual pada harga yang lebih tinggi di pasaran tempatan
- Kenaikan harga faktor pengeluaran khususnya bahan mentah dan barang pengantaraan yang diimport pula akan menyebabkan kos pengeluaran meningkat dan seterusnya menaikkan harga jualan barang dan perkhidmatan di pasaran tempatan
- Kenaikan harga barang import boleh disebabkan oleh kadar inflasi yang tinggi di negara pengeksport atau kejatuhan nilai mata wang tempatan
- Kejatuhan nilai mata wang tempatan menyebabkan harga barangan import secara relatifnya lebih mahal
- Oleh itu, tingkat harga barang tempatan yang menggunakan komponen import akan meningkat dan berlakunya inflasi diimport

**1.2.3. Kesan Inflasi**

- Pengguna terutamanya merasai kesan inflasi apabila kewangan mereka semakin membebankan akibat kos sara hidup yang semakin meningkat berikutan kenaikan harga barang dan perkhidmatan di pasaran.
- Cara inflasi memberi kesan terhadap kehidupan seharian pengguna boleh dilihat dalam aspek-aspek berikut :



- i. **Kesan terhadap harga barang :**
  - Inflasi berlaku apabila tingkat harga umum meningkat secara berterusan
  - Kos sara hidup meningkat menyebabkan masyarakat kurang mampu untuk membeli barang dan perkhidmatan kerana **harga barang yang semakin meningkat**
  - Taraf kebajikan masyarakat akan terjejas
  
- ii. **Kesan terhadap tabungan :**
  - Harga barang yang meningkat menyebabkan perbelanjaan penggunaan individu meningkat dan akibatnya **tabungan akan berkurangan**
  - Masyarakat terpaksa mengeluarkan simpanan untuk menampung kos sara hidup yang semakin meningkat
  - Inflasi menyebabkan nilai wang yang dipegang oleh isi rumah semakin merosot
  
- iii. **Kesan terhadap pendapatan :**
  - Inflasi menyebabkan **pendapatan benar masyarakat menurun** dengan andaian pendapatan tunai tidak berubah
  - Pendapatan benar ialah jumlah barangan yang mampu dibeli oleh isi rumah dengan pendapatan tunai yang diterima
  - Tingkat harga barang dan perkhidmatan yang semakin meningkat akan mengurangkan kuasa beli pengguna iaitu barangan yang boleh dibeli dengan sejumlah wang yang sama semakin berkurangan
  - Kos sara hidup yang meningkat menyebabkan taraf hidup masyarakat menurun kerana pengguna tidak mampu membeli barang yang diinginkan untuk memenuhi keperluan atau kehendak
  
- iv. **Kesan terhadap pengangguran :**
  - Inflasi yang sederhana membawa kesan positif kepada kadar pengangguran
  - Kenaikan harga barang di pasaran akibat inflasi tarikan permintaan menggalakkan firma untuk menambahkan pengeluaran untuk memenuhi lebih permintaan di pasaran
  - Firma akan meningkatkan penggunaan guna tenaga untuk menambahkan tingkat pengeluaran
  - Hal ini menyebabkan **peluang pekerjaan dalam negara akan bertambah** dan **kadar pengangguran akan menurun** dengan inflasi sederhana
  
- v. **Kesan terhadap eksport :**
  - Apabila inflasi tolakan kos berlaku, harga barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh firma tempatan akan meningkat kerana kos pengeluaran yang tinggi
  - Harga barang tersebut akan menjadi mahal apabila dieksport ke luar negara berbanding dengan barang yang dikeluarkan oleh negara lain
  - Menyebabkan barang eksport ini kehilangan daya saing di pasaran antarabangsa / **nilai eksport berkurang**

- Kesannya permintaan barangan keluaran tempatan berkurangan dalam pasaran antarabangsa dan pendapatan negara daripada sektor eksport merosot

**vi. Kesan terhadap kadar faedah :**

- Inflasi berlaku apabila terlalu banyak wang mengejar barang yang sedikit dalam pasaran
- Sebagai langkah untuk mengawal bekalan wang dalam ekonomi, bank pusat akan mengarahkan institusi kewangan untuk **meningkatkan kadar faedah** yang akan menyebabkan kos pinjaman dan beban hutang peminjam meningkat
- Masyarakat akan mengurangkan pinjaman yang dibuat dan kesannya penawaran wang dalam ekonomi akan berkurangan

### 1.2.4 Pengangguran

Pengangguran merupakan satu keadaan apabila terdapat tenaga buruh yang sanggup bekerja tetapi tidak mendapat pekerjaan

- Pengangguran dalam ekonomi menunjukkan wujudnya lebih penawaran buruh dalam sesebuah negara
- Keadaan ini sebenarnya menunjukkan pembaziran faktor buruh dalam negara dan merugikan negara tersebut
- Salah satu objektif makroekonomi yang ingin dicapai oleh kerajaan ialah guna tenaga penuh
- Apabila sebuah negara mencapai tingkat guna tenaga penuh, semua faktor tenaga buruh yang sedia ada dalam ekonomi telah digunakan dengan cekap
- Guna tenaga penuh dikatakan tercapai apabila kadar pengangguran dalam negara adalah kurang daripada 4%.

### Kadar Pengangguran

Kadar pengangguran merupakan penunjuk ekonomi yang mengukur peratus penganggur dalam kalangan tenaga buruh yang sedia ada dalam sesebuah negara

- Kadar pengangguran yang rendah merujuk kepada penganggur dalam negara adalah kecil berbanding dengan jumlah tenaga buruh. Tenaga buruh dalam negara telah digunakan dengan sepenuhnya
- Kadar pengangguran yang tinggi menggambarkan ramai tenaga buruh yang sepatutnya boleh menyumbang dalam ekonomi negara tetapi tidak mendapat pekerjaan. Berlaku pembaziran faktor pengeluaran buruh dalam ekonomi.
- Sekiranya kadar pengangguran berada di bawah kadar 4%, negara tersebut dianggap telah mencapai guna tenaga penuh.


## Kesan Masalah Pengangguran

### i) Kesan pengangguran terhadap Ekonomi Negara

1. Pendapatan negara sebenar kurang daripada pendapatan negara potensi
  - Disebabkan faktor buruh sedia ada tidak digunakan sepenuhnya
2. Hasil kerajaan berkurangan kerana kutipan cukai pendapatan kurang
  - a) Penganggur tidak mempunyai pendapatan untuk membayar cukai
3. Ketidakecekapan dalam pengeluaran dan pembaziran sumber ekonomi
4. Menghalang pertumbuhan ekonomi akibat pelbagai masalah sosial
  - Wujud masalah sosial akibat pengangguran seperti rompakan
5. Taraf hidup masyarakat menurun kerana kuasa beli telah menurun


### ii) Kesan pengangguran terhadap Masalah Sosial Negara

- Kadar pengangguran yang tinggi juga menunjukkan ramai anggota masyarakat yang menganggur dan kehilangan punca pendapatan
- Golongan ini boleh menimbulkan masalah sosial negara seperti yang berikut :



### 1.2.5 Jenis pengangguran

- Pengangguran yang berlaku boleh dibahagikan kepada beberapa faktor.
- Pengangguran boleh dibahagikan kepada tiga jenis berdasarkan punca kejadian masing-masing seperti berikut :



#### i) Pengangguran kitaran

- Berlaku apabila keadaan ekonomi adalah lembap menyebabkan permintaan buruh berkurangan
- Pengurangan dalam permintaan agregat (jumlah barang dan perkhidmatan yang diminta pada pelbagai tingkat harga oleh pelbagai sektor pada suatu masa tertentu) menyebabkan pengurangan dalam pengeluaran dan penggunaan buruh terpaksa dikurangkan
- Ramai tenaga buruh kehilangan pekerjaan kerana kebanyakan firma terpaksa mengurangkan pengeluaran atau memberhentikan operasi


#### ii) Pengangguran berstruktur

- Berlaku disebabkan oleh perubahan struktur ekonomi sesebuah negara
- Perubahan struktur ekonomi disebabkan kebergantungan ekonomi negara kepada sektor utama seperti ketidakstabilan harga komoditi di pasaran dunia dan kepupusan sumber galian yang merugikan imbangan dagangan bagi negara membangun
- Pembangunan ekonomi membawa kepada perubahan dalam struktur ekonomi daripada sektor utama kepada sektor kedua yang menggunakan banyak automasi dan jentera menyebabkan penggunaan buruh yang berkurang dan mengakibatkan banyak pengangguran
- Penganggur tidak mampu untuk mendapat pekerjaan baharu kerana kekurangan mobiliti dari segi kelayakan dan kemahiran

#### iii) Pengangguran geseran / pengangguran normal

- Keadaan tenaga buruh tidak bekerja dalam sesuatu jangka masa apabila berlaku perpindahan pekerjaan
- Pekerja kurang mobiliti atau pekerja kurang mendapat maklumat tentang peluang-peluang pekerjaan yang terdapat di pasaran
- Lulusan universiti biasanya mengalami keadaan pengangguran geseran untuk tempoh sementara kerana masih mencari pekerjaan yang diinginkan

- Pengangguran jenis ini merupakan pengangguran jangka pendek dan berada pada kadar yang sangat rendah iaitu 2% hingga 4%
- Faktor penyebab pengangguran geseren :



### 1.2.6 Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

KDNK ialah jumlah nilai pasaran barang dan perkhidmatan akhir yang dikeluarkan oleh semua faktor pengeluaran dalam sesebuah negara dalam tempoh setahun



- Contohnya jurutera dari negara Jepun yang dihantar ke kilang cawangan Malaysia dianggap menyumbang dalam KDNK Malaysia walaupun faktor buruh ini bukan milik Malaysia

- Tetapi KDNK tidak mengambil kira nilai keluaran yang dihasilkan oleh rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara
- Kaedah pengiraan KDNK boleh dihitung melalui tiga pendekatan iaitu :



- Malaysia hanya menggunakan pendekatan keluaran dan pendekatan perbelanjaan sahaja
- Pengiraan KDNK melalui mana-mana pendekatan tersebut akan memberikan nilai yang sama

**i) Pendekatan perbelanjaan**

- diperoleh dengan menjumlahkan semua perbelanjaan atas barang akhir dan perkhidmatan yang dihasilkan dalam ekonomi bagi tempoh satu tahun
- perbelanjaan termasuk perbelanjaan isi rumah, firma, kerajaan dan eksport bersih (eksport – import)
- perubahan stok pada akhir tahun juga diambil kira dalam pengiraan pendapatan negara


**ii) Pendekatan keluaran**

- KDNK diperoleh dengan menjumlahkan nilai ditambah yang dihasilkan oleh pelbagai sektor ekonomi di negara bagi tempoh satu tahun
- Nilai ditambah ialah peningkatan nilai barang setelah melalui setiap peringkat proses pengeluaran
- Kaedah ini boleh mengetahui peratus sumbangan pelbagai sektor ekonomi kepada keluaran negara dan mengelakkan pengiraan dua kali dalam pengiraan pendapatan negara

### 1.2.7 Pertumbuhan Ekonomi Malaysia

Pertumbuhan ekonomi merupakan perkembangan kegiatan ekonomi dari semasa ke semasa yang menyebabkan peningkatan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar

- Data-data yang diperoleh daripada KDNK boleh digunakan sebagai alat ukuran kadar pertumbuhan ekonomi
- Apabila berlaku pertumbuhan ekonomi, KDNK akan meningkat. Hal ini bermaksud berlakunya pertambahan dalam pengeluaran barang dan perkhidmatan dalam ekonomi
- Pertumbuhan ekonomi merujuk kepada pembangunan ekonomi berbentuk fizikal seperti pertambahan dalam sektor-sektor utama, kedua dan ketiga
- Pertumbuhan ekonomi boleh dijadikan kayu ukur kepada prestasi pembangunan sesebuah negara
- Pertumbuhan ekonomi yang semakin meningkat menunjukkan pembangunan negara yang semakin pesat dan sebaliknya.
- Ekonomi dikatakan mengalami pertumbuhan apabila kadar pertumbuhan KDNK bernilai positif dan dikatakan mengalami kemelsetan apabila kadar pertumbuhan KDNK bernilai negatif
- Kepentingan mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang mampan adalah seperti berikut :



### 1.2.8 Sebab Dan Akibat Pertumbuhan Ekonomi

- Kadar pertumbuhan ekonomi sesuatu negara akan berbeza dengan negara yang lain
- Pertumbuhan ekonommi dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti yang berikut :

a) Sumber alam semulajadi

b) Jumlah penduduk dan bekalan tenaga buruh

c) Kemajuan teknologi

d) Pelaburan dalam aktiviti ekonomi

e) Sistem sosial dan sikap masyarakat

#### a) Sumber alam semulajadi

- Kekayaan alam semulajadi dalam sesebuah negara akan menarik pelabur asing untuk melabur dan mengusahakan pengeluaran sumber alam semulajadi tersebut

#### b) Jumlah penduduk dan bekalan tenaga buruh

- Apabila penduduk sesebuah negara bertambah, jumlah tenaga buruh yang boleh menyumbang dalam aktiviti pengeluaran bertambah
- Kemahiran dan produktiviti buruh boleh ditingkatkan melalui pendidikan dan latihan kesannya, jumlah pengeluaran barang dan perkhidmatan dalam negara akan bertambah
- Jumlah penduduk yang besar akan meningkatkan permintaan terhadap barang dan perkhidmatan di pasaran
- Pengeluar terdorong untuk menambahkan jumlah pengeluaran dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi

#### c) Kemajuan teknologi

- Kemajuan teknologi dalam sesebuah negara akan mempercepat pertumbuhan ekonomi
- Pemindahan teknologi merupakan usaha mengimport atau membawa masuk peralatan dan pengetahuan seperti kemahiran, tatacara dan teknologi moden

untuk meningkatkan produktiviti industri tempatan dan kualiti barang dan perkhidmatan

- Contohnya Perodua telah mengimport dan mengambil manfaat teknologi Jepun dalam pembuatan keretanya
- Penggunaan teknologi yang canggih dapat meningkatkan kecekapan pengeluaran dan mengurangkan kos pengeluaran dan menambahkan jumlah keluaran sekali gus menyumbang kepada pendapatann negara yang lebih tinggi
- Kesannya kegiatan ekonomi akan berkembang dengan pesat

**d) Pelaburan dalam aktiviti ekonomi**


- Semakin besar nilai pelaburan sama ada pelaburan dosmetik atau pelaburan asing, semakin barang dan perkhidmatan yang akan dikeluarkan dalam aktiviti ekonomi
- Pelaburan ini berfungsi sebagai sumber dana untuk membiayai barang modal
- Barang modal boleh digunakan dalam mengeksploitasi sumber alam semulajadi atau meningkatkan produktiviti dalam proses pengeluaran

**e) Sistem sosial dan sikap masyarakat**

- Keadaan sosial dan politik yang stabil dalam sesebuah negara akan memberi keyakinan kepada pelabur tempatan
- Sikap keterbukaan masyarakat sesbuah negara akan mempengaruhi pertumbuhan ekonomi

**❖ Akibat pertumbuhan ekonomi**

- Setiap negara akan berusaha untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi.
- Akibat daripada pertumbuhan ekonomi boleh dilihat dalam 4 aspek iaitu :



**a) Penyediaan kemudahan infrastruktur**

- Kemudahan infrastruktur yang lengkap dapat meningkatkan kecekapan firma dan menarik pelabur asing untuk melabur dalam aktiviti pengeluaran tempatan
- Kemudahan ini juga melicinkan urusan perdagangan firma dari segi perhubungan dan pengangkutan
- Antara kemudahan infrastruktur yang telah disediakan ialah sistem pengangkutan dan perhubungan, bekalan air dan elektrik, serta kemudahan pendidikan dan kesihatan
- Kesannya masyarakat setempat juga dapat menikmati manfaat kemudahan infrastruktur yang lengkap

**b) Peningkatan taraf pendidikan penduduk**

- Sumber manusia yang berbakat, mempunyai pemikiran kreatif dan inovatif, mampu menyelesaikan masalah dan mempunyai pengetahuan dalam bidang tertentu akan menyebabkan pengeluaran sesebuah negara menjadi lebih berdaya saing
- Banyak institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta institusi pendidikan lain seperti institut latihan kemahiran telah ditubuhkan
- Sistem pendidikan sentiasa dikaji dan diubah suai supaya dapat melahirkan tenaga buruh yang berkemahiran dan berkecukupan bagi memenuhi keperluan industri

**c) Kestabilan politik dan sosial**

- Pertumbuhan ekonomi yang pesat mendorong kepada penambahan aktiviti pengeluaran yang mencipta peluang pekerjaan kepada masyarakat
- Keadaan ini akan mengurangkan kadar pengangguran dalam negara
- Masyarakat dapat memperoleh penadapatan tetap untuk memenuhi keperluan dan kehendak masing-masing
- Hal ini dapat menjamin keamanan dan ketenteraman masyarakat dengan pengurangan kes jenayah seperti ragut dan rompakan

**d) Peningkatan sifat keusahawanan**


- Apabila berlaku pertumbuhan ekonomi, pendapatan dan kuasa beli masyarakat akan meningkat
- Keadaan ini mencipta banyak peluang perniagaan kepada usahawan yang kreatif untuk memenuhi kepuasan pengguna
- Aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dijalankan dengan pesat bagi menghasilkan penemuan teknologi baharu
- Taraf hidup masyarakat dapat ditingkatkan kerana tahap kepuasan dimaksimumkan.

### 1.3 Alat Dasar Ekonomi


a) Dasar fiskal

Dasar fiskal ialah satu dasar kerajaan yang dilaksanakan melalui perubahan **dasar cukai** dan **perbelanjaan kerajaan** agar keadaan ekonomi yang stabil dapat dicapai

- Tujuan kerajaan melaksanakan dasar fiskal adalah untuk mencapai keadaan ekonomi yang stabil tanpa inflasi dan pengangguran
- Kerajaan juga ingin mencapai pengagihan pendapatan yang lebih saksama dengan merapatkan jurang pendapatan antara golongan kaya dengan miskin
- Kadar cukai dan perbelanjaan kerajaan boleh diubah berdasarkan masalah ekonomi semasa
- Kadar cukai dan perbelanjaan kerajaan boleh digabungkan untuk menghasilkan dasar fiskal yang berbeza seperti yang berikut :



Aspek	Dasar fiskal mengembang	Dasar fiskal menguncup
Masalah ekonomi	Pengangguran	Inflasi
Tujuan	Meningkatkan permintaan agregat	Mengurangkan permintaan agregat
Kadar cukai	Menurunkan kadar cukai	Menaikkan kadar cukai
Perbelanjaan kerajaan	Meningkatkan perbelanjaan kerajaan	Mengurangkan perbelanjaan kerajaan




### Dasar Fiskal Mengembang

- Bertujuan **meningkatkan** permintaan agregat melalui **penurunan kadar cukai dan pertambahan perbelanjaan kerajaan**
- Dasar fiskal mengembang digunakan ketika ekonomi mengalami **kemelesetan** dan menghadapi masalah pengangguran
- Kadar **cukai diturunkan** supaya pendapatan boleh guna bertambah
- Kuasa beli dan permintaan pengguna meningkat dan perbelanjaan agregat juga meningkat
- Begitu juga dengan **peningkatan perbelanjaan kerajaan**
- Permintaan agregat yang meningkat akan menggalakkan pengeluaran untuk menambah pengeluaran
- Lebih ramai buruh untuk menambahkan aktiviti pengeluaran
- Masalah pengangguran dikurangkan


### Dasar Fiskal Menguncup

- Bertujuan **mengurangkan** permintaan agregat melalui **peningkatan kadar cukai dan pengurangan perbelanjaan kerajaan**
- Dasar fiskal menguncup digunakan ketika ekonomi mengalami **inflasi**
- Kadar **cukai dinaikkan** supaya pendapatan boleh guna menurun
- Kuasa beli dan permintaan pengguna menurun dan perbelanjaan agregat juga menurun
- **Perbelanjaan kerajaan dikurangkan** supaya perbelanjaan dan permintaan agregat dikurangkan
- Permintaan agregat yang menurun akan memperlambatkan pertumbuhan ekonomi dan menurunkan kuasa beli pengguna
- Tingkat harga umum di pasaran menurun dan kadar inflasi menurun



### 1.3.2 Hasil kerajaan

- Merupakan semua jenis pendapatan yang diterima oleh kerajaan dalam bentuk cukai, yuran, lesen dan perkhidmatan
- Hasil kerajaan digunakan untuk membiayai perbelanjaan kerajaan
- Sumber hasil kerajaan boleh dibahagikan kepada :



#### i) Hasil cukai

- Cukai merupakan bayaran wajib dalam bentuk wang yang dikenakan oleh kerajaan berdasarkan akta-akta parlimen
- Cukai kerajaan terbahagi kepada cukai langsung dan cukai tak langsung

<b>Cukai Langsung</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>- Sejenis cukai yang beban cukainya tidak boleh dipindahkan kepada pihak lain</li> <li>- Sumber hasil cukai langsung merupakan sumbangan terbesar hasil kerajaan</li> <li>- Cukai ini wajib dikenakan atas individu dan firma yang memperoleh sejumlah pendapatan tertentu</li> </ul>	
<b>Jenis cukai langsung</b>	<b>Huraian</b>
Cukai pendapatan individu	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Dikenakan ke atas individu di Malaysia yang memperoleh pendapatan lebih daripada satu amaun tertentu dalam tempoh setahun</li> <li>- Dikenakan atas pelbagai bentuk pendapatan individu termasuk upah, elaun, bonus, dividen, faedah dan sewa</li> <li>- Jenis-jenis elaun kakitangan awam yang dikecualikan cukai ialah imbuhan tetapperumahan, imbuhan tetap kerajaan, bantuan sara hidup dan bantuan khas kewangan</li> <li>- Tujuan kerajaan mengenakan cukai ini ialah :                         <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Sebagai sumber hasil kerajaan</li> <li>b) Merapatkan jurang pendapatan antara golongan kaya dan miskin</li> <li>c) Sebagai alat kawalan kerajaan untuk mengatasi masalah inflasi dan kemelesetan ekonomi</li> </ol> </li> </ul>

Jenis cukai langsung	Huraian
Cukai pendapatan syarikat	- Dikenakan atas keuntungan yang diperoleh oleh syarikat berhad - Kadar cukai pendapatan syarikat antara 19% - 24%
Cukai pendapatan koperasi	- Dikenakan atas keuntungan yang diperoleh oleh koperasi yang beroperasi di Malaysia kecuali koperasi sekolah - Cukai pendapatan koperasi merupakan sumbangan terendah dalam jumlah hasil cukai langsung kerajaan
Cukai pendapatan petroleum	- Dikenakan atas semua syarikat petroleum yang menjalankan operasi di Malaysia - Kadar cukai pendapatan petroleum pada tahun taksiran 2016 ialah 38%
Cukai keuntungan hartanah	- Dikenakan atas keuntungan yang diperoleh daripada penjualan sesuatu hartanah
Duti setem	- Bayaran yang dikenakan berdasarkan nilai sesuatu harta apabila dokumen harta yang dipindah milik disetamkan - Contoh proses pindah milik pembelian hartanah dan permohonan peminjam atau bantuan kewangan
Cukai tanah	- Dikenakan atas pemilik tanah pertanian, tanah perusahaan, dan tanah bangunan - Bayaran cukai tanah adalah berbeza mengikut lokasi dan jenis tanah
Cukai pintu	- Dikenakan atas pemilik rumah dengan tujuan untuk membiayai perbelanjaan penyediaan prasarana dan perkhidatan awam oleh kerajaan tempatan


### Cukai Tak Langsung

<ul style="list-style-type: none"> <li>- Sejenis cukai yang beban cukainya boleh dipindahkan kepada pihak lain</li> <li>- Jenis cukai ini dikenakan atas barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh pihak firma</li> <li>- Pihak firma yang ingin mengekalkan margin keuntungan biasanya akan memindahkan sebahagian atau sepenuhnya beban cukai tersebut kepada pengguna dengan menaikkan harga jualan barang dan perkhidmatan</li> </ul>	
Jenis cukai tak langsung	Huraian
Duti eksais	- Dikenakan atas barang seperti rokok, tembakau, minuman keras dan kenderaan bermotor yang dikeluarkan dalam negara untuk dijual di pasaran tempatan - Tujuan kerajaan mengenakan duti eksais ialah : a) Sebagai hasil kerajaan b) Menyekat penggunaan orang ramai teradap barang tertentu seperti rokok dan minuman keras yang membahayakan kesihatan
Duti import	- Dikenakan atas barang penggunaan yang diimport dari luar negara seperti buah-buahan, rokok, minuman keras dan barang-barang mewah - Tujuan kerajaan mengenakan duti import ialah : a) Sebagai sumber hasil kerajaan b) Melindungi industri tempatan kerana pengenaan duti import menyebabkan harga barang import naik

Jenis cukai tak langsung	Huraian
	<ul style="list-style-type: none"> <li>c) Mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kerana perkembangan industri tempatan</li> <li>c) Memperbaiki imbalan dagangan dan imbalan pembayaran negara</li> <li>d) Mengatasi masalah lambakan dalam perdagangan antarabangsa iaitu menjual barang dengan harga yang sangat murah di pasaran luar negara berbanding dengan harga di negara asalnya</li> </ul>
Duti eksport	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Dikenakan atas komoditi utama seperti petroleum, kelapa sawit, kayu balak dan getah yang diekport ke luar negara</li> <li>- Tujuan kerajaan mengenakan duti eksport ialah :               <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Sebagai hasil kerajaan</li> <li>b) Menyekat eksport barang komoditi mentah yang tidak diproses secara berlebihan dan menggalakkan pengeluar memproses barang komoditi kepada barang siap atau separuh siap sebelum diekport keluar negara</li> <li>c) Memajukan industri yang berasaskan sumber tempatan kerana bahan mentah diproses dalam negara</li> </ul> </li> </ul>
Cukai barang dan perkhidmatan (GST)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- GST merupakan cukai yang dikenakan ke atas penggunaan barangan dan perkhidmatan yang mula berkuat kuasa pada 1 April 2015</li> <li>- GST merupakan cukai penggunaan yang berasaskan konsep nilai ditambah</li> <li>- Golongan berpendapatan tinggi yang menggunakan lebih banyak barangan akan membayar lebih banyak cukai, manakala golongan berpendapatan rendah yang menggunakan sedikit barang membayar cukai yang rendah</li> <li>- Kadar GST pada tahun 2016 adalah 6%</li> </ul>
Cukai perjudian	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Dikenakan atas firma yang menjalankan operasi perjudian berlesen di Malaysia</li> </ul>
Levi	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Dikenakan atas majikan bagi membawa masuk barang dan perkhidmatan ke dalam negara</li> <li>- Cukai ini biasa digunakan terhadap pekerja asing yang datang ke sesebuah negara</li> </ul>

ii) Hasil bukan cukai


- Kerajaan juga menerima hasil daripada sumber pendapatan yang lain seperti :



### 1.3.3 Kesan Cukai atas Agihan Pendapatan

Agihan pendapatan merujuk kepada pembahagian jumlah pendapatan antara individu atau kumpulan dalam ekonomi

- Jurang pendapatan yang besar dalam masyarakat boleh memberi kesan negatif terhadap pertumbuhan ekonomi jangka panjang, guna tenaga dan menimbulkan konflik antara kelas sosial
- Kerajaan mengagihkan semula pendapatan dalam masyarakat dengan mengutip cukai daripada golongan kaya dan memberi bantuan kepada golongan miskin dengan cukai yang diperoleh
- Setiap golongan rakyat harus membayar cukai kepada kerajaan mengikut kadar yang ditentukan
- Kesan cukai adalah berbeza bergantung kepada kategori agihan pendapatan dan jenis cukai yang dikenakan
- Cukai yang dikenakan boleh dibahagikan kepada tiga bentuk berdasarkan kadar pengenaan cukai masing-masing iaitu :



Bentuk Cukai	Huraian
Cukai progresif	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Cukai progresif ialah bentuk cukai yang kadarnya semakin tinggi apabila pendapatan bertambah</li> <li>• Apabila pendapatan seseorang individu meningkat, kadar cukai yang dikenakan terhadapnya adalah lebih tinggi</li> <li>• Contoh cukai progresif ialah cukai pendapatan individu</li> <li>• Pendapatan individu dikenakan kadar cukai yang berbeza berdasarkan tingkat pendapatan boleh cukai masing-masing</li> </ul>
Cukai regresif	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Cukai yang kadarnya semakin menurun apabila pendapatan bertambah</li> <li>• Bentuk cukai ini memberi beban yang lebih besar atas golongan berpendapatan rendah berbanding dengan golongan berpendapatan tinggi</li> <li>• Contohnya cukai barang dan perkhidmatan (GST)</li> <li>• Kerajaan mengenakan kadar cukai yang sama bagi semua pengguna tetapi golongan yang berpendapatan rendah menerima kesan yang lebih besar</li> </ul>

Bentuk Cukai	Huraian
Cukai berkadar malar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bentuk cukai yang kadarnya tetap walaupun pendapatan berubah</li> <li>Cukai berkadar malar menetapkan kadar cukai yang sama bagi semua pembayar cukai tanpa mengira jumlah pendapatan syarikat</li> <li>Contohnya cukai pendapatan syarikat, firma dikenakan cukai pada kadar yang sama tanpa mengira pendapatan yang diperoleh pada tahun tersebut</li> </ul>

### 1.3.4 Perbelanjaan kerajaan

- Kerajaan akan membuat perbelanjaan dengan menggunakan sumber hasil cukai dan hasil bukan cukai
- Perbelanjaan kerajaan boleh dibahagikan kepada dua jenis utama iaitu :



- Perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan boleh dikelaskan berdasarkan ciri-ciri yang berikut :

Perbelanjaan mengurus	Perbelanjaan pembangunan
Perbelanjaan semasa kerajaan yang berulang pada setiap tahun	Perbelanjaan pelaburan kerajaan atas projek pembangunan sosial ekonomi negara
Membolehkan pengurusan dan pentadbiran harian kerajaan beroperasi dengan lancar	Meningkatkan pembetulan modal negara
Contohnya, bayaran emolumen, bayaran khidmat hutang negara, pencen dan ganjaran, serta bekalan dan perkhidmatan	Contohnya, perbelanjaan sektor perkhidmatan ekonomi sosial, keselamatan dan pentadbiran am

#### i) Perbelanjaan mengurus


- Merujuk kepada perbelanjaan semasa kerajaan yang berulang-ulang pada setiap tahun untuk membolehkan pengurusan dan pentadbiran harian kerajaan beroperasi dengan lancar dan berkesan
- Tidak dipengaruhi oleh tingkat pendapatan negara
- Berikut adalah pelbagai perbelanjaan mengurus :

**Perbelanjaan mengurus :**

emolumen	<ul style="list-style-type: none"> <li>• bayaran gaji dan upah kepada kakitangan kerajaan</li> <li>• merupakan perbelanjaan mengurus kerajaan yang terbesar</li> </ul>
bayaran khidmat hutang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• bayaran balik pokok dan faedah secara ansuran bagi menjelaskan hutang dalam atau luar negara</li> </ul>
bekalan dan perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• perbelanjaan atas penyelenggaraan dan pembaikan harta, pembelian bekalan dan bahan untuk kegunaan jabatan kerajaan serta perbelanjaan kerajaan pegawai kerajaan</li> <li>• bertujuan untuk mengekalkan mutu perkhidmatan dan kemudahan awam yang disediakan oleh kerajaan</li> </ul>
pencen dan ganjaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• pencen merupakan bayaran bulanan kepada pegawai kerajaan yang telah bersara</li> <li>• ganjaran merupakan bayaran sekali sahaja kepada kakitangan kerajaan ketika bersara</li> </ul>
pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri	<ul style="list-style-type: none"> <li>• jumlah pemberian kepada setiap kerajaan negeri adalah berasaskan kepada bilangan penduduk dalam negeri</li> <li>• sebahagian besar pemberian ini digunakan untuk membiayai kerja-kerja penyelenggaraan jalan raya</li> </ul>
pemberian subsidi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• bayaran kerajaan kepada pengeluar untuk menurunkan harga barang dan perkhidmatan dalam pasaran</li> <li>• kerajaan juga memberi subsidi kepada sesetengah industri dalam bentuk pemberian diskuan untuk penggunaan elektrik</li> </ul>
biasiswa, dermasiswa dan bantuan kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• biasiswa, dermasiswa dan bantuan kerajaan adalah pemberian wang kepada murid-murid di sekolah dan pelajar universiti di dalam dan luar negara</li> </ul>

## ii) Perbelanjaan Pembangunan


- Merujuk kepada perbelanjaan pelaburan kerajaan dalam projek-projek pembangunan ekonomi negara
- Bertujuan untuk meningkatkan pembentukan modal negara, guna tenaga dan pendapatan negara.
- Juga bermatlamat untuk meningkatkan taraf hidup dan tingkat kebajikan rakyat pada mas depan dengan menyediakan pelbagai kemudahan dan infrastruktur kepada rakyat
- Berikut adalah perbelanjaan pembangunan mengikut sektor :




### 1.3.5 Belanjawan negara

Belanjawan negara ialah suatu penyata tentang anggaran jumlah hasil yang diperoleh dan anggaran jumlah perbelanjaan yang akan dilakukan untuk tahun kewangan akan datang

- Belanjawan negara merupakan anggaran pendapatan yang akan diterima dibandingkan dengan segala perbelanjaan yang akan dibuat pada masa depan
- Antara tujuan belanjawan negara ialah :



- **Perbelanjaan** dalam belanjawan negara termasuklah **perbelanjaan mengurus** dan **perbelanjaan pembangunan** yang dibayar oleh kerajaan
- **Pendapatan** pula merujuk kepada **hasil cukai** dan **hasil bukan cukai** yang diterima oleh kerajaan
- Belanjawan negara boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu :



i) Belanjawan seimbang

Belanjawan seimbang merujuk kepada keadaan **jumlah hasil kerajaan adalah bersamaan dengan jumlah perbelanjaan** kerajaan

- Jenis belanjawan ini dilaksanakan untuk mengukuhkan kedudukan kewangan sektor awam dan kestabilan ekonomi apabila ekonomi mencapai tingkat guna tenaga penuh
- Untuk memastikan semua perbelanjaan kerajaan menggunakan hasil yang diperolehi sepenuhnya
- Oleh itu, tiada baki yang tertinggal dan tiada perbelanjaan yang dibayar dengan hutang
- Belanjawan seimbang mengekalkan keadaan yang stabil dalam ekonomi

ii) Belanjawan defisit

Belanjawan defisit berlaku apabila jumlah hasil kerajaan kurang daripada jumlah perbelanjaan kerajaan

- Dilaksanakan semasa ekonomi menghadapi masalah pengangguran atau kemelesetan ekonomi melalui peningkatan perbelanjaan kerajaan, pengurangan cukai atau kedua-duanya secara serentak




<b>Peningkatan perbelanjaan kerajaan</b>	<b>Pengurangan cukai</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>- Dengan menambahkan perbelanjaan mengurus serta perbelanjaan pembangunan kerajaan</li> <li>- Tindakan ini akan mencipta peluang pekerjaan kepada masyarakat dan menambahkan pendapatan individu serta negara</li> <li>- Kesannya, kuasa beli masyarakat meningkat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kerajaan akan menurunkan kadar cukai</li> <li>- Kesannya pendapatan boleh guna dan kuasa beli masyarakat meningkat</li> <li>- Permintaan barang dan perkhidmatan dalam pasaran meningkat</li> <li>- Menggalakkan pertumbuhan ekonomi</li> </ul>

iii) Belanjawan Lebihan

Belanjawan lebihan berlaku apabila jumlah hasil kerajaan lebih daripada jumlah perbelanjaan kerajaan

- Dilaksanakan semasa ekonomi menghadapi masalah inflasi melalui pengurangan perbelanjaan kerajaan, peningkatan cukai atau kedua-duanya secara serentak




Pengurangan perbelanjaan kerajaan	Peningkatan cukai
<ul style="list-style-type: none"> <li>- Dengan mengurangkan perbelanjaan mengurus serta perbelanjaan pembangunan kerajaan</li> <li>- Tindakan ini akan memperlambatkan pertumbuhan ekonomi dalam negara dan tingkat harga barang umum akan menurun</li> <li>- Kesannya, inflasi dapat dikawal dan kos sara hidup masyarakat telah menurun</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kerajaan akan menaikkan kadar cukai</li> <li>- Kesannya pendapatan boleh guna dan kuasa beli masyarakat menurun</li> <li>- Permintaan barang dan perkhidmatan dalam pasaran menurun dan masalah inflasi akibat permintaan yang berlebihan dalam ekonomi dapat distabilkan</li> <li>- Tingkat harga umum baru bagi barang dan perkhidmatan dalam pasaran juga akan menurun</li> </ul>


1.3.6 Dasar kewangan

Dasar kewangan ialah cara kerajaan mempengaruhi kegiatan ekonomi melalui kawalan bekalan wang dan kadar bunga supaya ekonomi negara sentiasa berada dalam keadaan yang stabil

- Dasar kewangan dilaksanakan oleh bank pusat iaitu Bank Negara Malaysia
- Dasar kewangan yang berbeza digunakan bergantung kepada masalah ekonomi yang ingin diatasi
- Dasar kewangan boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu :




<b>Dasar kewangan</b>	<b>Dasar kewangan mengembang</b>	<b>Dasar kewangan menguncup</b>
Matlamat dasar	Menambah bekalan wang dalam ekonomi	Mengurangkan bekalan wang dalam ekonomi
Masalah ekonomi yang diatasi	Pengangguran atau kemelesetan ekonomi	Inflasi
Cara pelaksanaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menurunkan nisbah rizab berkanun</li> <li>• Menurunkan nisbah rizab tunai</li> <li>• Membeli surat jaminan kerajaan</li> <li>• Melonggarkan syarat sewa beli</li> <li>• Menurunkan kadar faedah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menaikkan nisbah rizab berkanun</li> <li>• Menaikkan nisbah rizab tunai</li> <li>• Menjual surat jaminan kerajaan</li> <li>• Mengetatkan syarat sewa beli</li> <li>• Menaikkan kadar faedah</li> </ul>



### 1.3.7 Alat Dasar Kewangan

- Bank Pusat menggunakan alat dasar kewangan untuk mengawal ekonomi dengan mempengaruhi bekalan wang dalam ekonomi.
- Antara alat dasar kewangan yang digunakan adalah seperti yang berikut :



i) Nisbah rizab berkanun

Rizab berkanun merupakan simpanan wajib bank perdagangan di bank pusat berdasarkan jumlah deposit yang diterima

<b>Nisbah Rizab Berkanun</b>	
<b>Semasa inflasi</b>	<b>Semasa kemelesetan ekonomi</b>
<b>Menaikkan</b> nisbah rizab berkanun	<b>Menurunkan</b> nisbah rizab berkanun
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bank perdagangan terpaksa <b>menyimpan lebih banyak wang</b> tunai di bank pusat</li> <li>• <b>Keupayaan bank perdagangan memberi pinjaman</b> dan penciptaan kredit <b>menurun</b></li> <li>• <b>Bekalan wang</b> dalam ekonomi <b>berkurang</b></li> <li>• <b>Kuasa beli</b> masyarakat <b>menurun</b></li> <li>• Tingkat <b>harga barangan</b> cenderung <b>menurun</b></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bank perdagangan hanya <b>menyimpan sedikit wang</b> tunai di bank pusat</li> <li>• <b>Keupayaan bank perdagangan memberi pinjaman</b> dan penciptaan kredit <b>meningkat</b></li> <li>• <b>Bekalan wang</b> dalam ekonomi <b>bertambah</b></li> <li>• <b>Kuasa beli</b> masyarakat <b>meningkat</b></li> <li>• Tingkat <b>harga barangan</b> cenderung <b>meningkat</b></li> </ul>
Ekonomi kembali stabil semula	

ii) Nisbah rizab tunai

Rizab tunai merupakan simpanan wajib wang tunai di bank perdagangan berdasarkan jumlah deposit yang diterima

<b>Nisbah Rizab Tunai</b>	
<b>Semasa inflasi</b>	<b>Semasa kemelesetan ekonomi</b>
<b>Menaikkan</b> nisbah rizab tunai	<b>Menurunkan</b> nisbah rizab tunai
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bank perdagangan terpaksa <b>menyimpan lebih banyak rizab tunai</b></li> <li>• <b>Keupayaan</b> bank perdagangan <b>memberi pinjaman</b> dan penciptaan kredit <b>menurun</b></li> <li>• <b>Bekalan wang</b> dalam ekonoomi <b>berkurang</b></li> <li>• <b>Kuasa beli</b> masyarakat <b>menurun</b></li> <li>• Tingkat <b>harga barangan</b> cenderung <b>menurun</b></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bank perdagangan hanya <b>menyimpan sedikit rizab tunai</b></li> <li>• <b>Keupayaan</b> bank perdagangan <b>memberi pinjaman</b> dan penciptaan kredit <b>meningkat</b></li> <li>• <b>Bekalan wang</b> dalam ekonoomi <b>bertambah</b></li> <li>• <b>Kuasa beli</b> masyarakat <b>meningkat</b></li> <li>• Tingkat <b>harga barangan</b> cenderung <b>meningkat</b></li> </ul>
Ekonomi kembali stabil semula	

iii) Syarat sewa beli

Syarat sewa beli merupakan syarat dan terma semasa membuat pinjaman sewa beli

<b>Syarat Sewa Beli</b>	
<b>Semasa inflasi</b>	<b>Semasa kemelesetan ekonomi</b>
<b>Mengetatkan</b> syarat sewa beli	<b>Melonggarkan</b> syarat sewa beli
<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Mengurangkan had jumlah pinjaman maksimum</b></li> <li>• <b>Deposit</b> pinjaman <b>ditingkatkan</b></li> <li>• <b>Tempoh bayaran balik</b> pinjaman <b>dipendekkan</b></li> <li>• Kadar <b>faedah dinaikkan</b></li> <li>• <b>Permintaan</b> akan <b>menurun</b></li> <li>• Tingkat <b>harga barangan</b> cenderung <b>menurun</b></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Meningkatkan had jumlah pinjaman maksimum</b></li> <li>• <b>Deposit</b> pinjaman <b>diturunkan</b></li> <li>• <b>Tempoh bayaran balik</b> pinjaman <b>dipanjangkan</b></li> <li>• Kadar <b>faedah dikurangkan</b></li> <li>• <b>Permintaan</b> akan <b>meningkat</b></li> <li>• Tingkat <b>harga barangan</b> cenderung <b>meningkat</b></li> </ul>
Ekonomi kembali stabil semula	

iv) Surat jaminan kerajaan

Surat jaminan kerajaan merupakan surat bertulis yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk memperoleh pinjaman daripada masyarakat atau institusi kewangan

<b>Surat jaminan kerajaan</b>	
<b>Semasa inflasi</b>	<b>Semasa kemelesetan ekonomi</b>
<b>Menjual</b> surat jaminan kepada pasaran <b>(membuat pinjaman)</b>	<b>Membeli</b> surat jaminan dalam pasaran <b>(menebus pinjaman)</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Orang ramai atau institusi membeli</b> surat jaminan dengan wang dalam pasaran</li> <li>• <b>Aliran wang tunai</b> dalam ekonomi akan <b>berkurang</b></li> <li>• <b>Keupayaan</b> bank perdagangan untuk <b>memberi pinjaman</b> dan penciptaan kredit <b>menurun</b></li> <li>• <b>Bekalan wang</b> dalam ekonomi <b>berkurang</b></li> <li>• <b>Kuasa beli</b> masyarakat <b>menurun</b></li> <li>• <b>Tingkat harga barangan menurun</b></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Orang ramai atau institusi menjual</b> surat jaminan dan memperoleh wang</li> <li>• <b>Aliran wang tunai</b> dalam ekonomi akan <b>bertambah</b></li> <li>• <b>Keupayaan</b> bank perdagangan untuk <b>memberi pinjaman</b> dan penciptaan kredit <b>meningkat</b></li> <li>• <b>Bekalan wang</b> dalam ekonomi <b>bertambah</b></li> <li>• <b>Kuasa beli</b> masyarakat <b>meningkat</b></li> <li>• <b>Tingkat harga barangan cenderung meningkat</b></li> </ul>
Ekonomi kembali stabil semula	


v) Kadar faedah

Merupakan kos yang ditanggung oleh peminjam semasa membuat pinjaman

<b>Kadar faedah</b>	
<b>Semasa inflasi</b>	<b>Semasa kemelesetan ekonomi</b>
<b>Menaikkan</b> kadar faedah	<b>Menurunkan</b> kadar faedah
<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Kos meminjam</b> dan beban hutang peminjam <b>meningkat</b></li> <li>• <b>Jumlah pinjaman</b> yang dibuat oleh masyarakat akan <b>berkurang</b></li> <li>• <b>Bekalan wang</b> dalam ekonomi <b>berkurang</b></li> <li>• <b>Kuasa beli</b> masyarakat <b>menurun</b></li> <li>• <b>Tingkat harga barangan menurun</b></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Kos meminjam</b> dan beban hutang peminjam <b>menurun</b></li> <li>• <b>Jumlah pinjaman</b> yang dibuat oleh masyarakat akan <b>bertambah</b></li> <li>• <b>Bekalan wang</b> dalam ekonomi <b>bertambah</b></li> <li>• <b>Kuasa beli</b> masyarakat <b>meningkat</b></li> <li>• <b>Tingkat harga barangan bertambah</b></li> </ul>
Ekonomi kembali stabil semula	

### 1.3.8 Kesan Kadar Faedah sebagai Alat Dasar Kewangan dalam Ekonomi

- Bank pusat telah menggunakan kadar faedah sebagai salah satu alat dasar kewangan untuk mengawal bekalan wang dalam ekonomi
- Kadar faedah boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu :



- Kesan Perubahan Kadar Faedah
  - Tindakan bank pusat mengubah kadar faedah boleh menyebabkan kos pinjaman berubah
  - Keadaan ini menimbulkan kesan yang berlainan atas unit ekonomi yang terlibat dalam kegiatan ekonomi dari segi perbelanjaan dan pelaburan
  - Kesan peningkatan kadar faedah boleh dilihat dari tiga aspek :



**i. Kesan perubahan kadar faedah – terhadap pengguna**

- Perubahan kadar faedah boleh mempengaruhi kuasa beli dan corak perbelanjaan pengguna
- Pinjaman bank membolehkan pengguna berbelanja melebihi kemampuan untuk membiayai pembelian aset bukan semasa seperti rumah, pembelian barang mewah, perbelanjaan pelajaran, pakej pelancongan, barangan elektrik dan lain-lain.
- Kaedah bayaran secara kredit dikenakan kadar faedah
- Tindakan bank pusat mengubah kadar faedah dalam pasaran akan memberi kesan kepada pengguna seperti yang berikut :

Kadar faedah dinaikkan	Kadar faedah diturunkan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kos pinjaman akan meningkat</li> <li>• Pengguna akan mengurangkan jumlah pinjaman</li> <li>• Pengguna akan mengelakkan bayaran secara kredit dan terpaksa menyediakan lebih banyak wang tunai semasa perbelanjaan</li> <li>• Keadaan ini akan mengehendkan perbelanjaan yang dibuat oleh pengguna</li> <li>• Perbelanjaan agregat berkurang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kos pinjaman akan menurun</li> <li>• Pengguna akan meningkatkan jumlah pinjaman</li> <li>• Pengguna akan menggunakan lebih banyak kaedah bayaran secara kredit semasa perbelanjaan dan memperolehi barang yang dikehendaki</li> <li>• Keadaan ini akan memperbanyakkan perbelanjaan yang dibuat oleh pengguna</li> <li>• Perbelanjaan agregat meningkat</li> </ul>

**ii. Kesan perubahan kadar faedah – terhadap firma**

- Perubahan kadar faedah boleh mempengaruhi modal kewangan yang diperolehi oleh firma
- Pinjaman bank merupakan salah satu sumber penting bagi firma untuk mendapatkan modal tambahan dalam mengembangkan operasi sama ada membeli aset baharu atau membina tapak pengeluaran baharu
- Selain itu, modal pinjaman yang diperolehi juga boleh digunakan sebagai pelaburan dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan atau latihan kemahiran bagi pekerja supaya produktiviti dan daya saing firma dapat ditingkatkan.
- Tindakan bank pusat mengubah kadar faedah dalam pasaran boleh memberikan kesan kepada firma seperti yang berikut :

Kadar faedah dinaikkan	Kadar faedah diturunkan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kos pinjaman akan meningkat</li> <li>• Firma akan mengurangkan jumlah pinjaman</li> <li>• Modal kewangan firma akan berkurangan dan firma mungkin menghadapi masalah kecairan tunai</li> <li>• Keadaan ini akan mengehendkan pelaburan yang dibuat oleh firma kerana</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kos pinjaman akan meningkat</li> <li>• Firma akan mengurangkan jumlah pinjaman Modal kewangan firma akan berkurangan dan firma mungkin menghadapi masalah kecairan tunai</li> <li>• Keadaan ini akan mengehendkan pelaburan yang dibuat oleh firma kerana lebihan wang telah digunakan untuk</li> </ul>

<p>lebih wang telah digunakan untuk membiayai kos pengeluaran</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelaburan agregat akan berkurang</li> <li>• Daya saing firma akan menurun kerana tidak mempunyai modal untuk meningkatkan produktiviti atau mengembangkan operasi</li> </ul>	<p>membiayai kos pengeluaran</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelaburan agregat akan berkurang</li> <li>• Daya saing firma akan menurun kerana tidak mempunyai modal untuk meningkatkan produktiviti atau mengembangkan operasi</li> </ul>
---	--



**iii. Kesan perubahan kadar faedah – kepada kestabilan ekonomi**

- Kesan perubahan kadar faedah atas pengguna dan firma akan memberi kesan terhadap ekonomi sesebuah negara
- Penggunaan kadar faedah sebagai alat dasar kewangan harus digunakan pada masa yang tepat supaya mencapai matlamat ekonomi

<b>Kadar faedah dinaikkan</b>	<b>Kadar faedah diturunkan</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dilakukan semasa ekonomi mengalami masalah inflasi</li> <li>• Perbelanjaan agregat pengguna dan pelaburan firma akan menurun. Kesannya, penawaran agregat barang dan perkhidmatan dalam ekonomi akan berkurang</li> <li>• Kekurangan permintaan pengguna terhadap barang menyebabkan firma tidak bermotivasi untuk mengeluarkan lebih banyak barang. Firma juga tidak mempunyai modal untuk mengembangkan operasi dan meningkatkan penawaran</li> <li>• Masalah inflasi dalam ekonomi semakin pulih kerana bekalan wang dalam ekonomi telah dikurangkan</li> <li>• Sekiranya kadar faedah masih dinaikkan, perbelanjaan agregat pengguna dan pelaburan firma akan terus menurun lagi</li> <li>• Pengeluaran yang berkurangan menyebabkan sesetengah firma akan terus menurun lagi</li> <li>• Pengeluaran yang berkurangan menyebabkan sesetengah firma yang tidak dapat menampung kos operasi terpaksa memberhentikan operasi atau mengurangkan pekerja</li> <li>• Keadaan ini menyebabkan kadar pengangguran dalam ekonomi semakin meningkat dan pertumbuhan ekonomi negara terbatas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dilakukan semasa ekonomi mengalami masalah pengangguran dan kemelesetan ekonomi</li> <li>• Perbelanjaan agregat pengguna dan pelaburan firma akan meningkat. Kesannya, penawaran agregat barang dan perkhidmatan dalam ekonomi akan bertambah</li> <li>• Lebih permintaan pengguna terhadap barang menggalakkan firma untuk mengeluarkan lebih banyak barang. Firma juga mempunyai modal untuk mengembangkan operasi dan meningkatkan penawaran</li> <li>• Masalah pengangguran dan kemelesetan ekonomi semakin pulih kerana bekalan wang dalam ekonomi telah bertambah</li> <li>• Sekiranya kadar faedah masih diturunkan, perbelanjaan agregat pengguna dan pelaburan firma akan terus meningkat lagi</li> <li>• Pengeluaran yang berkurangan menyebabkan sesetengah firma akan terus menurun lagi</li> <li>• Perkembangan dalam aktiviti pengeluaran firma mencipta banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat. Golongan ini mampu meminta lebih banyak barang dalam pasaran dan menyebabkan harga barang dan perkhidmatan semakin meningkat</li> <li>• Keadaan ini menyebabkan kadar inflasi dalam ekonomi semakin meningkat.</li> </ul>

1.3.9 Kesan Alat Dasar Ekonomi atas Objektif Makroekonomi Negara

- Alat dasar ekonomi yang berbeza boleh digunakan untuk mengatasi masalah ekonomi
- Alat-alat dasar ekonomi yang digunakan akan memberi kesan yang berbeza atas objektif makroekonomi.



**i. Cukai**

- Pengenaan cukai boleh mempengaruhi pendapatan boleh guna pengguna dan keupayaan firma untuk melabur
- Kesannya permintaan agregat dalam pasaran dan tingkat pengeluaran firma juga turut berubah

<b>Objektif makroekonomi</b>	<b>Menaikkan kadar cukai</b>	<b>Menurunkan kadar cukai</b>
Guna tenaga penuh	<b>Guna tenaga akan berkurang</b> kerana firma mengurangkan pekerja akibat pengurangan pengeluaran	<b>Guna tenaga akan bertambah</b> kerana firma menambahkan pekerja akibat peningkatan pengeluaran
Kestabilan harga	<b>Tingkat harga umum akan menurun</b> akibat lebihan penawaran barang dalam pasaran oleh firma	<b>Tingkat harga umum akan meningkat</b> akibat lebihan permintaan barang dalam pasaran oleh isi rumah
Pertumbuhan ekonomi	<b>Pertumbuhan ekonomi menjadi perlahan</b> kerana keluaran dan pendapatan negara merosot	<b>Pertumbuhan ekonomi menjadi pesat</b> kerana keluaran dan pendapatan negara meningkat
Kestabilan imbangan pembayaran	<b>Aliran masuk wang ke dalam negara merosot</b> kerana kos pelaburan dalam ekonomi meningkat	<b>Aliran masuk wang ke dalam negara meningkat</b> kerana kos pelaburan dalam ekonomi menurun

**ii. Perbelanjaan kerajaan**

- Sekiranya kerajaan menambahkan perbelanjaan pembangunan, aktiviti pengeluaran dalam ekonomi akan meningkat dan seterusnya mencipta peluang pekerjaan kepada masyarakat
- Kadar pengangguran dalam negara akan menurun dan kuasa beli masyarakat akan meningkat
- Perbelanjaan pembangunan kerajaan untuk menyediakan pelbagai kemudahan dalam negara juga dapat menarik aliran masuk modal pelaburan dari luar negara atau tempatan kepada ekonomi negara

<b>Objektif makroekonomi</b>	<b>Meningkatkan perbelanjaan kerajaan</b>	<b>Menurunkan perbelanjaan kerajaan</b>
Guna tenaga penuh	<b>Guna tenaga akan meningkat</b> kerana peningkatan dalam peluang pekerjaan kesan daripada pelaksanaan projek kerajaan	<b>Guna tenaga akan menurun</b> kerana peluang pekerjaan yang terhad kesan daripada pengurangan projek pembangunan kerajaan
Kestabilan harga	<b>Tingkat harga umum akan meningkat</b> akibat lebihan permintaan barang dalam pasaran	<b>Tingkat harga umum akan menurun</b> akibat kurangan permintaan barang dalam pasaran
Pertumbuhan ekonomi	<b>Pertumbuhan ekonomi menjadi pesat</b> kerana	<b>Pertumbuhan ekonomi menjadi perlahan</b> kerana

	keluaran dan pendapatan negara meningkat	keluaran dan pendapatan negara merosot
Kestabilan imbangan pembayaran	<b>Aliran masuk wang ke dalam negara meningkat</b> kerana banyak pelaburan kerajaan dalam ekonomi	<b>Aliran masuk wang ke dalam negara merosot</b> kerana kurang pelaburan kerajaan dalam ekonomi

### iii. Nisbah rizab berkanun

- Merupakan simpanan wajib bank perdagangan di bank pusat
- Nisbah rizab berkanun boleh mempengaruhi keupayaan bank perdagangan memberi pinjaman kepada masyarakat
- Jumlah pinjaman akan mempengaruhi kuasa beli pengguna dan permintaan agregat dalam ekonomi
- Bekalan wang dalam ekonomi juga dapat dikawal dengan nisbah rizab berkanun

Objektif makroekonomi	Meningkatkan nisbah rizab berkanun	Menurunkan nisbah rizab berkanun
Guna tenaga penuh	<b>Guna tenaga akan berkurang</b> kerana firma mengurangkan pekerja akibat pengurangan modal	<b>Guna tenaga akan bertambah</b> kerana firma menambahkan pekerja akibat peningkatan penambahan modal
Kestabilan harga	<b>Tingkat harga umum akan menurun</b> akibat kuasa beli pengguna menurun	<b>Tingkat harga umum akan meningkat</b> akibat kuasa beli pengguna meningkat
Pertumbuhan ekonomi	<b>Pertumbuhan ekonomi menjadi perlahan</b> kerana keluaran dan pendapatan negara merosot	<b>Pertumbuhan ekonomi menjadi pesat</b> kerana keluaran dan pendapatan negara meningkat
Kestabilan imbangan pembayaran	<b>Aliran masuk wang ke dalam negara merosot</b> kerana kurang peluang pelaburan dalam ekonomi	<b>Aliran masuk wang ke dalam negara meningkat</b> kerana banyak peluang pelaburan dalam ekonomi

### iv. Nisbah rizab tunai

- Merupakan simpanan tunai wajib bank perdagangan di bank sendiri
- Perubahan nisbah rizab tunai akan memberi kesan terhadap keupayaan bank memberi pinjaman kepada masyarakat.

Objektif makroekonomi	Meningkatkan nisbah rizab tunai	Menurunkan nisbah rizab tunai
Guna tenaga penuh	<b>Guna tenaga akan menurun</b> kerana firma mengurangkan pekerja akibat pengurangan modal	<b>Guna tenaga akan meningkat</b> kerana firma menambahkan pekerja akibat peningkatan penambahan modal
Kestabilan harga	<b>Tingkat harga umum akan menurun</b> akibat kuasa beli pengguna menurun	<b>Tingkat harga umum akan meningkat</b> akibat kuasa beli pengguna meningkat

Pertumbuhan harga	<b>Pertumbuhan ekonomi menjadi perlahan</b> kerana keluaran dan pendapatan negara merosot	<b>Pertumbuhan ekonomi menjadi pesat</b> kerana keluaran dan pendapatan negara meningkat
Kestabilan imbalan pembayaran	<b>Aliran masuk wang ke dalam negara merosot</b> kerana kurang peluang pelaburan dalam ekonomi	<b>Aliran masuk wang ke dalam negara meningkat</b> kerana banyak peluang pelaburan dalam ekonomi

**v. Syarat sewa beli**

- Merupakan syarat dan terma dalam pinjaman untuk pembelian aset dan barang tahan lama
- Sekiranya kerajaan mengetatkan syarat sewa beli, masyarakat akan lebih sukar untuk membuat pinjaman
- Kesannya, kuasa beli dan permintaan agregat dalam ekonomi akan menurun

<b>Objektif makroekonomi</b>	<b>Mengetatkan syarat sewa beli</b>	<b>Melonggarkan syarat sewa beli</b>
Guna tenaga penuh	Kuasa beli menurun menyebabkan firma mengurangkan pengeluaran. Kesannya, firma akan <b>mengurangkan guna tenaga</b> kerana permintaan berkurang	Kuasa beli meningkat menyebabkan firma menambahkan pengeluaran. Kesannya, firma akan <b>meningkatkan guna tenaga</b> kerana permintaan meningkat
Kestabilan harga	<b>Tingkat harga umum akan menurun</b> akibat kuasa beli pengguna menurun	<b>Tingkat harga umum akan meningkat</b> akibat kuasa beli pengguna meningkat
Pertumbuhan harga	<b>Pertumbuhan ekonomi menjadi perlahan</b> kerana keluaran dan pendapatan negara merosot	<b>Pertumbuhan ekonomi menjadi pesat</b> kerana keluaran dan pendapatan negara meningkat
Kestabilan imbalan pembayaran	<b>Aliran masuk wang ke dalam negara merosot</b> kerana kurang peluang pelaburan dalam ekonomi	<b>Aliran masuk wang ke dalam negara meningkat</b> kerana banyak peluang pelaburan dalam ekonomi

**vi. Surat jaminan kerajaan**

- Merupakan surat bertulis yang dikeluarkan oleh kerajaan apabila meminjam daripada masyarakat atau institusi kewangan
- Tindakan kerajaan membeli atau menjual surat jaminan kerajaan akan mempengaruhi bekalan wang dalam ekonomi
- Kesannya, kuasa beli pengguna dan permintaan agregat dalam ekonomi akan dipengaruhi

<b>Objektif makroekonomi</b>	<b>Menjual surat jaminan kerajaan</b>	<b>Membeli surat jaminan kerajaan</b>
Guna tenaga penuh	<b>Guna tenaga akan menurun</b> kerana firma mengurangkan pekerja akibat pengurangan modal	<b>Guna tenaga akan meningkat</b> kerana firma menambahkan pekerja akibat peningkatan penambahan modal
Kestabilan harga	<b>Tingkat harga umum akan menurun</b> akibat kuasa beli pengguna menurun	<b>Tingkat harga umum akan meningkat</b> akibat kuasa beli pengguna meningkat
Pertumbuhan harga	<b>Pertumbuhan ekonomi menjadi perlahan</b> kerana kegiatan ekonomi merosot. Kesannya, pendapatan negara menurun	<b>Pertumbuhan ekonomi menjadi pesat</b> kerana kegiatan ekonomi meningkat. Kesannya, pendapatan negara meningkat
Kestabilan imbalan pembayaran	<b>Aliran masuk wang ke dalam negara merosot</b> kerana kurang peluang pelaburan dalam ekonomi	<b>Aliran masuk wang ke dalam negara meningkat</b> kerana banyak peluang pelaburan dalam ekonomi

**vii. Kadar faedah**

- Kadar faedah merupakan kos pinjaman yang dikenakan
- Perubahan dalam kadar faedah akan menyebabkan turun naik dalam kos pinjaman
- Kos pinjaman merupakan pertimbangan utama bagi peminjam sebelum mendapatkan pinjaman kewangan daripada institusi bank

<b>Objektif makroekonomi</b>	<b>Meningkatkan kadar faedah</b>	<b>Menurunkan kadar faedah</b>
Guna tenaga penuh	<b>Guna tenaga akan menurun</b> kerana firma mengurangkan pekerja akibat kos pengeluaran meningkat	<b>Guna tenaga akan meningkat</b> kerana firma menambahkan pekerja akibat kos pengeluaran menurun
Kestabilan harga	<b>Tingkat harga umum akan menurun</b> akibat kuasa beli pengguna menurun	<b>Tingkat harga umum akan meningkat</b> akibat kuasa beli pengguna meningkat
Pertumbuhan harga	<b>Pertumbuhan ekonomi menjadi perlahan</b> kerana kos pengeluaran meningkat menyebabkan permintaan menurun. Kesannya, pendapatan negara menurun	<b>Pertumbuhan ekonomi menjadi pesat</b> kerana kos pengeluaran menurun menyebabkan permintaan meningkat. Kesannya, pendapatan negara meningkat
Kestabilan imbalan pembayaran	<b>Aliran masuk wang ke dalam negara merosot</b> kerana kurang peluang pelaburan dalam ekonomi	<b>Aliran masuk wang ke dalam negara meningkat</b> kerana banyak peluang pelaburan dalam ekonomi


## BAB 2 : MALAYSIA DAN EKONOMI GLOBAL

### 2.1 GLOBALISASI


#### 2.1.1 Globalisasi

- Globalisasi ialah proses interaksi dan integrasi antara manusia, firma dan kerajaan pelbagai negara.
- Globalisasi menyebabkan sempadan antara negara seolah-olah tidak wujud dan dunia dianggap sebagai satu unit.

#### Ciri-ciri Globalisasi




#### i) Pasaran baharu



#### ii) Peserta baharu

- Syarikat multinasional yang mengintegrasikan pengeluaran dan pemasaran mereka, mendominasi pengeluaran dunia
- Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) – organisasi pelbagai hala pertama yang mempunyai kuasa untuk memaksa kerajaan sesebuah negara mematuhi peraturan perdagangan bebas
- Kewujudan blok perdagangan seperti Kesatuan Eropah (EU), Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), dan lain-lain
- Peningkatan dalam organisasi yang menyelaraskan dasar seperti G-7, G-8, OECD, IMF dan Bank Dunia.

### iii. Kaedah Komunikasi Baharu




### iv. Peraturan dan Norma Baharu

- Peluasan dasar ekonomi kapitalis yang merebak ke seluruh dunia seperti penswastaan dan liberalisasi perdagangan
- Demokrasi sebagai pilihan politik
- Peningkatan kesedaran dalam hak asasi manusia
- Konvensyen dan perjanjian terhadap alam sekitar global – biodiversity, lapisan ozon, pelupusan sisa berbahaya, serta perubahan iklim
- Perjanjian perdagangan pelbagai hala
- Perjanjian pelbagai hala untuk perkhidmatan, harta intelek, komunikasi
- Perjanjian pelbagai hala mengenai pelaburan


#### 2.1.2 Syarikat Multinasional

- Syarikat multinasional ialah firma yang beroperasi di beberapa negara secara serentak.
- Antara syarikat multinasional yang terdapat di Malaysia ialah Sime Darby Berhad, Axiata Group Berhad, CIMB Group dan Maybank.
- Sesebuah syarikat dianggap sebagai syarikat multinasional sekiranya mempunyai tiga ciri berikut :



**Dorongan Syarikat dalam Operasi Antarabangsa**


- Pasaran antarabangsa menawarkan peluang perniagaan yang besar kepada firma yang ingin menjual atau mendapatkan faktor pengeluaran.
- Sesebuah firma memasuki operasi antarabangsa disebabkan oleh faktor-faktor yang berikut :



<p>i) Meluaskan pasaran</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sesebuah firma yang ingin meluaskan pasarannya akan memasarkan barang dan perkhidmatannya ke luar negara untuk mendapat lebih ramai pelanggan.</li> <li>• Dapat memaksimumkan keuntungan</li> </ul>
<p>ii) Perlindungan perdagangan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti eksport barangan ke negara tertentu disekat oleh pelbagai sekatan perdagangan seperti cukai</li> <li>• Masalah ini boleh diatasi dengan membuka operasi pengeluaran di syarikat berkenaan</li> <li>• Contohnya Syarikat KIA dari Korea bekerjasama dengan Syarikat NAZA Malaysia untuk mengeluarkan dan mengedarkan kereta jenama KIA di Malaysia.</li> <li>• Oleh kerana pengeluaran dilakukan di Malaysia, maka kadar cukai yang dikenakan adalah lebih rendah berbanding kereta KIA yang diimport dari Korea</li> </ul>
<p>iii) Kos pengangkutan yang tinggi</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jarak yang jauh antara pasaran dengan tapak operasi akan meningkatkan kos pengeluaran</li> <li>• Oleh itu, syarikat multinasional akan membuka tapak pengeluaran baharu di rantau-rantau berhampiran dengan pasaran baharu yang disasarkan.</li> <li>• Tindakan ini dapat menjimatkan kos dan memastikan pengedaran produk dijalankan dengan selamat dan menepati masa</li> </ul>
<p>iv) Bahan mentah atau hasil bumi yang unik</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemindahan operasi pengeluaran ke negara yang kaya dengan bahan mentah dapat mengatasi masalah kekurangan, kerosakan, kehilangan dan bekalan bahan mentah tidak menepati jadual penghantaran</li> <li>• Misalnya Malaysia kekurangan sumber kayu untuk membuat perabot, maka industri perabot Malaysia memindahkan operasi pengeluaran ke negara seperti Thailand, Vietnam dan Indonesia untuk mengatasi masalah ini.</li> </ul>
<p>v) Tenaga buruh dengan kemahiran khusus</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Syarikat multinasional memulakan operasi di luar negara untuk menjimatkan kos buruh dalam proses pengeluaran supaya memaksimumkan keuntungan</li> <li>• negeri seperti Thailand, Vietnam, China dan Indonesia mampu menyediakan tenaga buruh yang berkemahiran dengan kos yang rendah</li> <li>• kos upah yang lebih rendah membolehkan produk dapat dikeluarkan dengan kos yang lebih rendah dan seterusnya dapat dijual dengan harga yang lebih rendah kepada pengguna.</li> <li>• Daya saingan firma dari segi harga barang juga dapat ditingkatkan.</li> </ul>

### Risiko bagi Syarikat Multinasional

- Walaupun beroperasi di peringkat antarabangsa mendatangkan kebaikan kepada syarikat multinasional, tindakan membuka operasi baharu di negara lain sebenarnya mempunyai banyak risiko. Antaranya adalah seperti yang berikut :




### 2.1.3 Faktor Penggalak Globalisasi

Proses globalisasi membawa kebaikan kepada ekonomi Malaysia

- Malaysia dilihat sebagai suatu negara yang sedang membangun yang berpotensi bagi perkembangan perniagaan syarikat multinasional lain.
- Pelaburan syarikat multinasional dalam Malaysia telah menyumbang kepada pendapatan negara dan juga pertumbuhan ekonomi tempatan
- Kerajaan Malaysia telah melakukan pelbagai inisiatif kerana menyedari kepentingan sumbangan pelaburan modal asing dalam ekonomi.

- Antara inisiatif tersebut ialah :



### 1. Peranan Kerajaan

- Kerajaan telah mengamalkan sikap terbuka terhadap kemasukan syarikat multinasional
- Kerajaan melonggarkan kawalan terhadap aktiviti ekonomi melalui dasar kerajaan, undang-undang, insentif yang akan mempengaruhi perkembangan globalisasi.
- Pelaksanaan liberalisasi perdagangan dan blok perdagangan seperti Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) - untuk menggalakkan kerjasama antara negara dalam ekonomi.
- Polisi mesra perniagaan yang dilaksanakan oleh kerajaan dan pelbagai insentif seperti pelepasan cukai dan taraf perintis telah diperkenalkan untuk menarik syarikat multinasional negara lain.
- Polisi kerajaan seperti pengecualian visa untuk rakyat tertentu dan pemberian visa semasa ketibaan bagi mengalu-alukan kepakaran dari negara lain untuk menyumbang dalam ekonomi Malaysia.

### 2. Infrastruktur Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (Ict) Yang Maju

- ICT merujuk kepada suatu sistem komunikasi dan perolehan maklumat melalui penggunaan alatan teknologi secara interaktif.
- Perkembangan ICT didorong oleh perkembangan internet.
- Kawalan perniagaan menjadi mudah walaupun mempunyai cawangan di negara lain melalui kemudahan ICT seperti *e-mail*, sidang video yang dapat memudahkan komunikasi.
- Masalah dapat diselesaikan dengan mudah, proses pemindahan maklumat juga dapat dibuat dengan mudah, pantas dan murah.
- Penggunaan Internet menyebabkan aliran maklumat dan idea bergerak dengan pantas dan ini menggalakkan inovasi, produktiviti, dan juga pertumbuhan ekonomi
- Pengguna boleh membeli pelbagai barang dari negara lain melalui internet dan kemajuan kemudahan ini telah menggalakkan perkembangan globalisasi.

### 3. Infrastruktur Pengangkutan Yang Baik

- Sistem pengangkutan meliputi pengangkutan darat, udara dan air.
- Sistem pengangkutan yang cekap merupakan faktor penggalak yang besar dalam proses globalisasi.
- Misalnya, penggunaan kapal laut yang besar dapat mengurangkan kos pengangkutan barang antara negara dan ini membolehkan pengeluar menyediakan barang pada harga yang lebih murah.
- Malaysia mempunyai sistem pengangkutan darat yang sangat efektif kerana hampir semua bandar utama dihubungi oleh jalan raya. Keadaan ini memudahkan aktiviti pemindahan barang dan penumpang.
- Kewujudan syarikat pengangkutan udara seperti MAS telah memudahkan pergerakan manusia dari satu negara ke negara lain.
- Aktiviti perniagaan dapat dilakukan dengan cepat dan mudah dengan adanya kemudahan penerbangan kos rendah.
- Penentu dalam pemilihan cara pengangkutan global ialah :

- i. Faktor geografi
- ii. Jarak pengangkutan
- iii. Sifat barang (tahan lama/tidak)
- iv. Tarikh penghantaran yang telah dijanjikan
- v. Kos pengangkutan yang dikenakan


### 4. Pelancongan

- Disebabkan sektor pelancongan memberikan sumbangan besar kepada ekonomi negara, pelbagai galakan dan insentif diberikan oleh kerajaan untuk membangunkan sektor pelancongan. Keadaan ini secara tidak langsung dapat menggalakkan proses globalisasi.
- Pembukaan lapangan terbang KLIA 2 khusus untuk syarikat penerbangan tempatan dan antarabangsa kos rendah juga memudahkan pergerakan manusia di antara negara.
- Perkhidmatan seperti tempahan tiket penerbangan, penginapan, pakej pelancongan atas talian telah mengurangkan kos operasi dan memudahkan aktiviti pelancongan.


#### 2.1.4 Pelaburan Langsung Asing

- Pelaburan langsung asing bermaksud pelaburan yang dibuat oleh firma atau individu dari luar negara untuk memulakan operasi perniagaan atau membeli aset perniagaan di Malaysia.
- Pelaburan asing secara langsung ialah berbeza dengan portfolio pelaburan yang mana satu pelaburan pasif di sekuriti negara yang lain seperti saham dan bon.
- Peningkatan persaingan dan kos di negara maju menyebabkan sebahagian besar syarikat multinasional memindahkan operasi ke negara membangun dengan tujuan memperoleh faktor pengeluaran pada harga yang lebih murah.

- Dasar mesra pelaburan :



- Pelaburan langsung asing boleh dilakukan melalui beberapa cara seperti yang berikut :



### 1. Membina Kemudahan Pengeluaran Di Negara Lain

- Firma membeli atau memajak tanah, membina kemudahan baru, menyewa atau memindahkan pekerja dalaman seperti pengurus dan pekerja kemudian memulakan operasi baru.
- Kilang pembuat filem, Fuji Film bertempat di South Carolina mewakili pelaburan Greenfield, sama seperti Mercedes-Benz kilang pemasangan automobil di Alabama dan kilang Nissan di Sunderland, England.

### 2. Pengambilalihan Syarikat Asing

- Merupakan strategi pengambilalihan syarikat sedia ada dan menjalankan perniagaan di negara tuan rumah.
- Dengan memperolehi perniagaan yang masih beroperasi, pembeli dengan cepat mendapat kawalan ke atas kilang yang diperolehi, teknologi, kakitangan, jenama-jenama dan rangkaian pengagihan

### 3. Usaha Sama Dengan Syarikat Tempatan


- Satu perjanjian perniagaan antara dua atau lebih syarikat untuk bekerja bersama-sama bagi mencapai matlamat khusus dan untuk menggalakkan kepentingan bersama.

### 4. Membuka Subsidiari

- Dalam hal perniagaan, anak syarikat atau subsidiari ialah syarikat yang sebahagian besar saham dan kepentingannya yang lain dimiliki atau dikuasai oleh syarikat lain.
- Syarikat yang dikawal ini dikenali dengan istilah syarikat, perbadanan, atau syarikat berhad, ataupun perusahaan milik negara atau kerajaan. Syarikat penguasanya dikenali sebagai syarikat induk.

### Kesan Positif Pelaburan Langsung Asing


- Pelaburan langsung asing dalam ekonomi sesebuah negara bermakna lebih banyak pelaburan modal oleh syarikat multinasional dalam negara tersebut,
- Keadaan ini boleh mempengaruhi aktiviti ekonomi dalam negara dan mendatangkan manfaat seperti yang berikut :




## 1. Pertumbuhan Ekonomi




## 2. Pindahan Teknologi




### 3. Meningkatkan Kemahiran Modal Insan



### 4. Meningkatkan Modal Pelaburan



### Kesan Negatif Pelaburan Langsung Asing



### 1. Ketidakseimbangan Pendapatan

- Firma asing menawarkan upah dan insentif yang lebih baik.
- Oleh itu, pekerja di firma asing menerima pendapatan yang lebih tinggi dgn kemudahan dan insentif yang lebih baik berbanding pekerja di firma tempatan.
- Maka, wujudnya ketidak seimbangan pendapatan dalam sesebuah negara.
- Syarikat multinasional seperti pasar raya besar memberi kesan buruk kepada peniaga kecil dalam perniagaan peruncitan.
- Sektor-sektor yang membawa keuntungan yang tinggi dikuasai oleh syarikat-syarikat gergasi.
- Persaingan sengit menyebabkan kesukaran firma tempatan dan menjejaskan pendapatan peniaga tempatan.

### 2. Kemusnahan Alam Sekitar

- Negara Malaysia kaya dengan sumber asli seperti bahan galian, hasil hutan, dan hasil kehidupan laut.
- Firma asing yang melabur di Malaysia ingin mengeksploitasi sumber alam yang ada di negara ini.
- Penebangan dan pengeluaran sumber alam yang tidak dikawal akan membawa kepada kemusnahan alam sekitar.
- Contohnya, hakisan tanah, banjir kilat dan isu pencemaran yang lain.
- Antaranya, kegiatan perlombongan bauksit memberi kesan yang buruk terhadap alam sekitar.


### 3. Aliran Untung Ke Luar Negara

- Firma yang melabur berhak untuk membawa pulang keuntungan yang diperoleh ke negara asal.
- Negara yang menerima pelaburan langsung asing sukar mengawal aliran keluar dividen dan keuntungan pelaburan.
- Aliran keluar negara yang berlebihan dan berterusan akan memberi kesan kepada kadar pertukaran asing sesebuah negara.
- Tindakan firma asing membawa keluar keuntungan pelaburan akan memberi kesan negatif kepada imbalan pembayaran di sesebuah negara.


## 2.2 PERDAGANGAN ANTARABANGSA

### 2.2.1 Perdagangan Antarabangsa

- Perdagangan antarabangsa merujuk kepada urusan jual beli dan perkhidmatan antara sebuah negara dengan negara yang lain.
- Perdagangan antarabangsa wujud kerana kerana negara-negara yang terlibat dalam perdagangan antarabangsa dapat mengeluarkan barang-barang dan perkhidmatan pada keluk kemungkinan pengeluaran tetapi mencapai penggunaan di luar keluk tersebut.
- Setiap negara akan berusaha memperluaskan pasaran barangannya dan menambahkan pendapatan negara melalui ekport.



### Sebab-sebab Wujud Perdagangan Antarabangsa



### 1. Sumber semulajadi

- Sumber semulajadi dianugerahkan oleh Tuhan berlainan kepada setiap negara
- Negara yang kaya dengan sesuatu sumber semulajadi akan mengeksport sumber ke negara lain.
- Contohnya, negara yang kaya dengan minyak petroleum seperti Arab Saudi dan Iran akan mengeksport minyak.

### 2. Iklim dan jenis tanah

- Keluaran hasil pertanian dan perhutanan sesebuah negara berbeza akibat daripada perbezaan iklim dan jenis tanah.
- Mempengaruhi jenis keluaran pertanian sesebuah negara. Ini bermakna sesebuah negara perlu mengimport hasil pertanian dari negara lain untuk memenuhi keperluan rakyatnya.
- Contohnya ; Malaysia dianugerahkan Tuhan dengan iklim khatulistiwa dan jenis tanah yang sesuai untuk penanaman kelapa sawit.

### 3. Tingkat kecekapan teknologi

- Pengkhususan dan proses pengeluaran yang lebih cekap membolehkan sesebuah negara mengeluarkan sesuatu barangan dengan kos pengeluaran yang lebih rendah.
- Kecekapan pengeluaran hasil daripada kos pengeluaran yang murah mendorong kos faktor pengeluaran secara besar-besaran dan seterusnya mengeksportkannya ke negara lain.
- Faedah berbanding ialah faedah yang dinikmati oleh sesebuah negara yang sanggup mengeluarkan sesuatu barang dengan harga relatif atau kos lepas yang rendah
- Contohnya, Thailand berkeupayaan mengeksportkan beras ke Malaysia dan Singapura pada harga yang murah kerana tingkat kecekapannya yang tinggi dalam penghasilan beras.

### 4. Budaya masyarakat

- Budaya masyarakat yang berbeza akan mempengaruhi kecenderungan masyarakat dalam pengeluaran sesuatu barangan.
- Perbezaan budaya masyarakat biasanya melibatkan kemahiran dan minat pekerja.
- Contohnya, Perancis terkenal sebagai pusat fesyen pakaian dunia.

### 5. Harga faktor


- Upah buruh, sewa tanah dan faedah modal akan mempengaruhi pemilihan teknik pengeluaran bagi sesuatu barang dan perkhidmatan.
- Bilangan buruh yang banyak dan kadar upah yang lebih murah membolehkan pengkhususan dalam pengeluaran tekstil yang berintensifkan buruh
- Barang modal yang lebih murah dan cekap akan mengkhusus kepada pengeluaran barang seperti kapal terbang yang berintensifkan modal
- Contohnya, minyak kelapa sawit dari Malaysia mampu bersaing dengan minyak kacang soya dari Amerika Syarikat.

## 6. Citarasa pengguna

- Citarasa masyarakat daripada pelbagai kaum adalah berbeza dan sukar dipenuhi.
- Para peniaga mengimport pelbagai jenis barang dari luar negara untuk memenuhi citarasa pengguna
- Kehendak terhadap kereta mewah atau pakaian berjenama menyebabkan barang tersebut diimport.

### 2.2.2 Kepentingan Perdagangan Antarabangsa


- Membawa banyak manfaat kepada individu, masyarakat, atau negara.




**1. Memperoleh barang yang tidak dikeluarkan di dalam negara**




**2. Meluaskan pasaran**




**3. Menggalakkan pemindahan dan penggunaan teknologi**




**4. Menambah pendapatan negara**




**5. Menikmati barang dengan harga yang lebih murah**



**6. Meningkatkan kecekapan pengeluaran**



**7. Menawarkan pilihan pengguna yang pelbagai**




**8. Menambah peluang pekerjaan**




**9. Menggalakkan mobiliti tenaga buruh**




**10. Menggalakkan pelaburan**



**11. Mewujudkan hubungan baik dengan rakan dagang**





**Keburukan Perdagangan Antarabangsa**




**2.2.3 Sekatan Perdagangan Antarabangsa**

Maksud : Dasar perdagangan luar oleh kerajaan sesebuah negara untuk mengawal eksport dan import negara.




**1. Tarif :**

- Cukai yang dikenakan atas barang yang diimport dari luar negara.
- Pengenaan tarif akan menyebabkan harga barang import meningkat dan secara relatifnya lebih mahal berbanding dengan barang keluaran tempatan.
- Tariff terbahagi kepada dua jenis iaitu :




- Kebaikan tarif ialah :




**2. Subsidi :**

- Bantuan kewangan yang diberikan oleh kerajaan kepada pengeluar tempatan untuk membolehkannya bersaing dengan pengeluar negara asing.




**3. Kuota :**




**4. Kawalan pertukaran asing :**




5. Embargo :





6. Sekatan Bukan Ekonomi :



- Contoh sekatan bukan ekonomi terhadap produk seperti yang berikut :

- 

**Produk yang memudaratkan kesihatan**  
 - Sayur-sayuran, buah-buahan dan tumbuh-tumbuhan yang diimport harus bebas daripada sberaang penyakit dan bahan kimia yang akan membahayakan kesihatan dan keselamatan rakyat
- 


**Produk yang tidak menepati piawaian dan mutu**  
 - barang elektrik dan elektronik yang diimport harus menepati paiawaian dan mutu yang telah ditetapkan oleh SIRIM agar selamat digunakan
- 

**Produk yang tidak mematuhi peraturan dan undang-undang kesihatan**  
 - Ubat-ubatan dan barang kesihatan lain yang diimport haruslah mematuhi peraturan dan undang-undang kesihatan yang telah digariskan oleh kerajaan


**Tujuan Sekatan Perdagangan Antarabangsa**




**1. Melindungi Industri Muda Tempatan**




**2. Menghadapi Persaingan**




### 3. Sebagai Sumber Hasil Kerajaan




### 4. Mewujudkan Peluang Pekerjaan




### 5. Memperbaiki Imbangan Dagangan



### 6. Keselamatan




### 7. Mengatasi Lambakan



### 2.2.4 Kesan Tarif, Subsidi dan Kuota terhadap Perdagangan Antarabangsa

#### 1. Kesan Pelaksanaan Tarif




- Sebelum perdagangan antarabangsa dijalankan, keseimbangan pasaran dicapai pada titik  $E_0$  apabila keluk permintaan  $D_0D_0$  bersilang dengan keluk penawaran  $S_0S_0$ . Tingkat harga dan kuantiti keseimbangan dicapai pada  $P_0$  dan  $Q_0$ .
- Selepas perdagangan antarabangsa dijalankan, keluk penawaran  $S_1S_1$  bersilang dengan keluk permintaan  $D_0D_0$  pada titik keseimbangan  $E_1$ . Tingkat harga dicapai pada  $P_1$ , dan jumlah kuantiti permintaan adalah  $Q_4$ .

- c) Pada tingkat harga  $P_1$ , jumlah kuantiti penawaran dalam negara adalah sebanyak  $0Q_1$  dan jumlah kuantiti diimport adalah sebanyak  $Q_1Q_4$ .
- d) Apabila tarif sebanyak  $P_1P_2$  dikenakan, keluk penawaran  $S_2S_2$  bersilang dengan keluk permintaan  $D_0D_0$  pada tingkat harga  $P_2$  dan jumlah kuantiti permintaan adalah  $0Q_3$
- e) Pada tingkat harga  $P_2$ , jumlah kuantiti penawaran dalam negara adalah sebanyak  $0Q_2$  dan jumlah kuantiti diimport adalah sebanyak  $Q_2Q_3$ .
- f) Jumlah hasil cukai import yang diperoleh oleh kerajaan adalah sebanyak  $AE_2GH$ .

Kesan Positif Tarif	Kesan Negatif Tarif
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Harga kereta diimport akan meningkat kerana pengimport memindahkan beban tarif kepada pengguna dengan menaikkan harga jualan</li> <li>• Permintaan kereta diimport akan menurun manakala permintaan terhadap kereta keluaran tempatan akan meningkat disebabkan harga yang secara relatifnya lebih rendah</li> <li>• Penawaran kereta oleh pengeluar tempatan akan meningkat</li> <li>• Jumlah kereta diimport akan berkurang, perbelanjaan negara atas kereta import juga menurun</li> <li>• Kerajaan tempatan memperoleh hasil daripada kutipan tarif</li> <li>• Peningkatan guna tenaga dalam negara dan kadar pengangguran menurun</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Herotan(distortion) dalam peruntukan sumber berlaku apabila sumber yang mungkin boleh digunakan dengan lebih cekap dalam industri lain dialihkan ke industri penggantian import</li> <li>• Pengguna terpaksa menanggung perbelanjaan yang lebih besar</li> <li>• Menggunakan barangan yang kurang bermutu</li> <li>• Mengurangkan daya saing industri penggantian import untuk meningkatkan kecekapan pengeluaran</li> <li>• Menghadapi tindak balas yang sama daripada negara yang dikenakan tarif</li> </ul>

## 2. Kesan Pelaksanaan Subsidi




- Sebelum perdagangan antarabangsa dijalankan, keseimbangan pasaran dicapai pada titik  $E_0$  apabila keluk permintaan  $D_0D_0$  bersilang dengan keluk penawaran  $S_0S_0$ . Tingkat harga dan kuantiti keseimbangan dicapai pada  $P_0$  dan  $Q_0$ .
- Selepas perdagangan antarabangsa dijalankan, keluk penawaran  $S_1S_1$  bersilang dengan keluk permintaan  $D_0D_0$  pada titik keseimbangan  $E_1$ . Tingkat harga dicapai pada  $P_1$  dan jumlah kuantiti permintaan adalah  $0Q_3$ .
- Pada tingkat harga  $P_1$ , jumlah kuantiti penawaran dalam negara adalah sebanyak  $0Q_1$  dan jumlah kuantiti diimport adalah sebanyak  $Q_1 Q_3$
- Selepas kerajaan memberikan subsidi, keluk penawaran  $S_2S_2$  bersilang dengan keluk permintaan  $D_0D_0$  pada tingkat harga  $P_2$  dan jumlah kuantiti permintaan adalah  $0Q_4$
- Pada tingkat harga  $P_2$ , jumlah kuantiti penawaran dalam negara adalah sebanyak  $0Q_2 + Q_0Q_4$  dan jumlah kuantiti diimport adalah sebanyak  $Q_2Q_0$ .
- Jumlah kuantiti yang diimport selepas pemberian subsidi  $Q_2Q_0$  adalah lebih kecil jika dibanding dengan sebelum pemberian subsidi iaitu sebanyak  $Q_1 Q_3$ .

### Kesan pemberian subsidi

- Harga barang keluaran tempatan akan menurun.
- Permintaan terhadap barang keluaran tempatan akan meningkat kerana harganya secara relatif lebih rendah daripada barang import.
- Penawaran barang oleh pengeluar tempatan akan meningkat kerana permintaan terhadap barang keluaran tempatan telah meningkat.
- Jumlah barang diimport akan berkurang. Oleh itu, perbelanjaan negara atas barang import akan menurun.
- Guna tenaga dalam negara akan meningkat kerana aktiviti pengeluaran tempatan yang meningkat memerlukan lebih banyak tenaga buruh.
- Oleh itu, kadar pengangguran dalam negara dapat diturunkan.

### 3. Kesan Pelaksanaan Kuota



- Sebelum perdagangan antarabangsa dijalankan, keseimbangan pasaran dicapai pada titik  $E_0$  apabila keluk permintaan  $D_0D_0$  bersilang dengan keluk penawaran  $S_0S_0$ . Tingkat harga dan kuantiti keseimbangan dicapai pada  $P_0$  dan  $Q_0$ .
- Selepas perdagangan antarabangsa dijalankan, keluk penawaran  $S_1S_1$  bersilang dengan keluk permintaan  $D_0D_0$  pada titik keseimbangan  $E_1$ . Tingkat harga dicapai pada  $P_1$  dan jumlah kuantiti permintaan adalah  $0Q_4$ .
- Pada tingkat harga  $P_1$ , jumlah kuantiti penawaran dalam negara adalah sebanyak  $0Q_1$  dan jumlah kuantiti diimport adalah sebanyak  $Q_1Q_4$ .
- Selepas kuota import dikenakan, keluk penawaran  $S_2S_2$  bersilang dengan keluk permintaan  $D_0D_0$  pada tingkat harga  $P_2$  dan jumlah kuantiti permintaan adalah  $0Q_3$ .
- Pada tingkat harga  $P_2$ , jumlah kuantiti penawaran dalam negara adalah sebanyak  $0Q_2$  dan jumlah barang diimport adalah sebanyak  $Q_2Q_3$ .

#### Kesan kuota import

- Harga barang diimport akan meningkat kerana penawaran barang import dalam pasaran tempatan telah berkurang.
- Permintaan barang diimport akan menurun manakala permintaan terhadap barang keluaran tempatan akan meningkat kerana harga yang secara relatifnya lebih rendah.
- Penawaran barang oleh pengeluar tempatan akan meningkat kerana permintaan terhadap barang keluaran tempatan telah meningkat.
- Jumlah barang diimport akan berkurang. Perbelanjaan negara atas barang import juga menurun.
- Guna tenaga dalam negara akan meningkat kerana aktiviti pengeluaran tempatan yang meningkat memerlukan lebih banyak tenaga buruh. Kadar pengangguran dalam negara dapat diturunkan.

### 2.2.5 Kebaikan dan Keburukan Sekatan Perdagangan Antarabangsa dan Liberalisasi Perdagangan

<b>Kebaikan Sekatan Perdagangan Antarabangsa</b>
<p><b>1. Mengurangkan penawaran barang import</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekatan perdagangan antarabangsa akan menyebabkan jumlah penawaran barang import dalam pasaran tempatan berkurang.</li> <li>• Harga barang import menjadi lebih mahal berbanding dengan barang keluaran tempatan dan seterusnya mengurangkan permintaan terhadap barang import.</li> </ul>
<p><b>2. Meningkatkan permintaan terhadap barang tempatan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengurangan permintaan rakyat tempatan terhadap barang import yang lebih mahal harganya akan membawa kepada peningkatan dalam permintaan terhadap barangan buatan tempatan yang lebih murah harganya.</li> </ul>
<p><b>3. Mengurangkan pengangguran</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekatan perdagangan antarabangsa akan membawa kepada perkembangan industri tempatan dan meningkatkan permintaan terhadap keluaran tempatan.</li> <li>• Pihak pengeluar tempatan meningkatkan pengeluaran barangan untuk memenuhi permintaan dan seterusnya menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.</li> <li>• Ini dapat mengurangkan kadar pengangguran negara dan meningkatkan guna tenaga negara. Pendapatan dan taraf hidup rakyat tempatan akan meningkat.</li> </ul>
<p><b>4. Meningkatkan pendapatan negara</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekatan perdagangan antarabangsa dalam bentuk tarif akan menyumbang kepada sumber hasil cukai kerajaan dan meningkatkan pendapatan negara.</li> <li>• Pemberian subsidi oleh kerajaan kepada pengeluar tempatan akan menjadikan harga barang eksport lebih murah di pasaran antarabangsa.</li> <li>• Permintaan yang semakin bertambah terhadap barang eksport negara akan meningkatkan jumlah keuntungan pengeluar tempatan.</li> <li>• Hal ini secara tidak langsung akan meningkatkan hasil kutipan cukai kerajaan dan pendapatan negara.</li> </ul>
<p><b>5. Memperbaiki imbalan pembayaran</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekatan perdagangan dalam bentuk tarif, kuota, dan kawalan pertukaran asing akan mengurangkan permintaan terhadap barang import, manakala subsidi yang diberikan kepada pengeksport akan meningkatkan permintaan terhadap eksport negara.</li> <li>• Pengurangan dalam jumlah nilai import negara dan peningkatan yang besar dalam jumlah nilai eksport negara akan menjadikan imbalan pembayaran negara semakin bertambah baik.</li> </ul>
<p><b>6. Melindungi industri tempatan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan memberi perlindungan kepada industri muda tempatan yang belum kukuh melalui sekatan perdagangan antarabangsa seperti tarif dan kuota supaya dapat bersaing dengan firma asing yang lebih besar dan cekap.</li> <li>• Contohnya, duti import yang dikenakan atas kereta import membolehkan industri kereta tempatan menguasai pasaran dan memperoleh keuntungan yang lebih tinggi.</li> <li>• Malah, industri muda tempatan yang berkembang maju dapat meningkatkan daya saing dan produktiviti untuk bersaing di peringkat global.</li> </ul>

<b>Keburukan Sekatan Perdagangan Antarabangsa</b>	
<b>1. Salah pengagihan sumber</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dasar perlindungan yang berlebihan menyebabkan banyak sumber ekonomi diagihkan kepada sektor atau industri yang dilindungi oleh tarif dan bukannya industri lain yang lebih cekap dan berpotensi.</li> <li>• Ini akan merugikan negara dalam jangka masa panjang kerana agihan sumber negara tidak lagi berdasarkan kriteria kecekapan pengeluaran.</li> </ul>
<b>2. Merugikan pengguna</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kenaikan harga barang import hasil daripada sekatan tarif menyebabkan pengguna terpaksa membayar harga yang lebih tinggi untuk menikmati barang import.</li> <li>• Merugikan para pengguna dan mengurangkan pilihan serta tingkat kepuasan .</li> </ul>
<b>3. Pengagihan pendapatan yang tidak adil</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tindak balas negara rakan dagang mengurangkan import dari Malaysia akan menjejaskan pertumbuhan dan tingkat keuntungan industri eksport negara.</li> <li>• Pengeluar akan mengurangkan pengeluaran dan penggunaan tenaga buruh akibat daripada penurunan permintaan terhadap barang eksport negara.</li> <li>• Hal ini akan menjejaskan peluang pekerjaan dan pendapatan tenaga buruh yang terlibat dalam industri yang berorientasikan eksport.</li> <li>• Jurang pendapatan antara pekerja yang bekerja dalam sektor eksport dengan pekerja dalam sektor ekonomi yang lain menjadi semakin besar.</li> </ul>
<b>4. Mengurangkan eksport</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rakan dagang Malaysia yang dikenakan sekatan perdagangan antarabangsa dalam bentuk tarif cenderung untuk mengambil tindak balas dengan mengurangkan import dari Malaysia.</li> <li>• Tindakan yang sedemikian akan mengurangkan jumlah nilai eksport Malaysia dan seterusnya menjejaskan imbangan pembayaran negara.</li> </ul>
<b>5. Mewujudkan monopoli</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Industri tempatan yang dilindungi melalui sekatan perdagangan akan cenderung untuk menjadi pengeluar monopoli dalam pasaran tempatan.</li> <li>• Kewujudan kuasa monopoli dalam pasaran akan mendatangkan kesan yang negatif terhadap ekonomi seperti kenaikan harga barang dan ketidakcekapan dalam agihan sumber ekonomi negara.</li> </ul>
<b>6. Ketidakekapan dalam industri tempatan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Industri tempatan yang dilindungi melalui dasar sekatan perdagangan antarabangsa cenderung untuk bergantung kepada kerajaan dan kurang berusaha untuk meningkatkan tahap kecekapan pengeluaran dan daya saing di peringkat antarabangsa.</li> <li>• Kebergantungan yang berpanjangan ini akan mewujudkan ketidakcekapan dalam operasi pengeluaran dan agihan sumber negara.</li> </ul>

**Liberalisasi Perdagangan**

1. Liberalisasi perdagangan bermaksud tiada syarat pegangan atau sekatan dalam hubungan perdagangan antara sesebuah negara dengan negara yang lain.
2. Liberalisasi melibatkan kelonggaran dalam pegangan ekuiti asing, pengurangan tarif dan sekatan bukan tarif serta kemasukan tenaga buruh dan pelaburan langsung asing (FDI) dari luar ke dalam sesebuah negara.

Kebaikan liberalisasi perdagangan	Keburukan liberalisasi perdagangan
<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Interaksi dan transaksi antara negara-negara yang terlibat akan menjadi lebih intensif tanpa dibatasi oleh sebarang peraturan dan undang-undang.</li> <li>b. Memudahkan aliran barang, perkhidmatan, dan sumber antara negara.</li> <li>c. Mengurangkan kos pengeluaran, meningkatkan skala pengeluaran, dan daya saing negara</li> <li>d. Membolehkan penempatan sumber negara kepada dalam industri yang berpotensi untuk memperoleh keuntungan yang maksimum</li> <li>e. Meningkatkan jumlah keuntungan firma dan kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&amp;D) yang berterusan untuk tenaga kerja yang pakar dalam jangka panjang.</li> <li>f. Kemasukan pelaburan asing membantu merencanakan kadar pertumbuhan ekonomi negara terutamanya industri yang berorientasikan eksport negara.</li> <li>g. Mewujudkan persaingan yang sihat, menggalakkan usaha inovasi, dan pemindahan teknologi untuk meningkatkan kecekapan pengeluaran negara</li> <li>h. Menjana lebih banyak peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan isi rumah.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Ketidakupayaan industri tempatan untuk bersaing dengan pelabur asing yang memasuki pasaran tempatan tanpa sekatan.</li> <li>b. Sekatan pelaburan yang diwujudkan oleh negara maju dalam industri berteknologi tinggi seperti industri automotif dan industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).</li> <li>c. Kewujudan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang bersifat tidak adil dan biasanya merugikan negara sedang membangun.</li> <li>d. Hasrat perkongsian kepakaran dan pemindahan teknologi yang moden dari negara maju tidak berlaku dengan sepenuhnya.</li> <li>e. Pergantungan ekonomi negara terhadap pelaburan dan industri asing dari luar negara akan mengetepikan kepentingan dan kebajikan rakyat tempatan.</li> <li>f. Kemunculan kuasa monopoli akan menentukan pelbagai syarat dan peraturan yang menguntungkan pemodal asing, tetapi boleh merugikan negara dan rakyat setempat.</li> </ul>


## 2.2.6 Blok Ekonomi dan Perjanjian Perdagangan

### Blok Ekonomi

1. Pakatan dalam ekonomi = Blok ekonomi
2. Definisi: Blok ekonomi merupakan satu kumpulan negara yang terdiri daripada beberapa negara yang berada dalam rantau yang berhampiran untuk menjaga kepentingan ekonomi bersama-sama.
3. Tujuan: Melindungi negara ahli daripada barang import dari negara bukanahli dan mengalakkan urus niaga barangan antara negara ahli.
4. Blok ekonomi yang terbesar di dunia merupakan Kesatuan Eropah (EU).

### Kesatuan Eropah (European Union, EU)


1. Kesatuan Eropah (EU) merupakan satu kesatuan antarabangsa yang dianggotai oleh kebanyakan negara di Eropah.
2. Bertujuan mengimbangi kekuatan ekonomi Amerika Syarikat dan Jepun yang sukar digugat oleh mana-mana negara pada masa itu.
3. Objektif penubuhan Kesatuan Eropah ialah:



### Perjanjian Perdagangan

1. Perjanjian perdagangan merupakan perjanjian yang ditandatangani oleh dua atau lebih negara atas persetujuan bagi syarat sekatan perdagangan antarabangsa semasa menjalankan urus niaga antara negara.
2. Antara perjanjian perdagangan yang disertai oleh Malaysia :
  - a) **Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (Asean Free Trade Area, AFTA)**
  - b) **Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (General Agreement on Tariffs dan Trade, GATT)**

- a) **Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (Asean Free Trade Area, AFTA)**
- Perjanjian yang dibuat untuk pengeluaran tempatan semua negara-negara yang terlibat.
  - Pada tahun 2017, AFTA terdiri daripada sepuluh buah negara ASEAN iaitu Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand, Vietnam, Laos, Myanmar, dan Kemboja.
  - Objektif utama perjanjian AFTA ialah:




b) **Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (General Agreement on Tariffs dan Trade, GATT)**

- Malaysia adalah antara ahli WTO yang terawal kerana telah menjadi ahli dalam GATT sejak tahun 1957.
- Tujuan pembentukan GATT adalah untuk mencipta suatu suasana perdagangan antarabangsa yang harmoni dan sihat serta mempunyai liberalisasi perdagangan yang berlanjutan.
- Objektif utama GATT ialah mengurangkan halangan dalam hubungan perdagangan bebas dan menghapuskan diskriminasi dalam perdagangan antarabangsa.
- Hal ini bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup umat manusia, peluang pekerjaan, dan pemanfaatan bersama kekayaan alam dunia.
- GATT telah diwujudkan dengan penyertaan 23 buah negara pada tahun 1947 dan berpusat di Geneva.
- Pengurangan halangan perdagangan dalam pasaran eksport dan peningkatan peluang pasaran telah meningkatkan eksport negara.
- Salah satu daripada faedah utama yang dinikmati oleh Malaysia adalah layanan sama rata atas barangan di dalam pasaran negara ahli-ahli WTO yang lain.

2.2.7 Kesan Blok Ekonomi dan Perjanjian Perdagangan

Kesan Positif Blok Ekonomi Dan Perjanjian Perdagangan



<b>Kesan Positif Blok Ekonomi Dan Perjanjian Perdagangan</b>	
<b>(1) Menggalakkan pemindahan teknologi dan kepakaran</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menerusi perjanjian perdagangan, teknologi moden dan kepakaran dari negara maju dapat disalurkan untuk pembangunan ekonomi dan tingkat teknologi di negara sedang membangun.</li> <li>ii. Penduduk tempatan dapat mempelajari dan menguasai kaedah pengendalian teknologi yang baharu melalui latihan kemahiran dan pelbagai kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&amp;D).</li> </ul>
<b>(2) Peluasan pasaran</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penghapusan Dasar Perlindungan dan Sekatan Tarif (GATT), penghapusan stok penimbal, serta provokasi pasaran akan memberikan peluang kepada keluaran dari negara sedang membangun untuk menembusi pasaran negara maju dengan hak yang sama rata.</li> <li>ii. Ini memberikan kuasa mutlak kepada kuasa pasaran dalam urus niaga barang dan perkhidmatan.</li> <li>iii. Contohnya, pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) membolehkan barang dan perkhidmatan dari kalangan negara anggota ASEAN memasuki pasaran negara anggota yang lain dengan lebih mudah dan menikmati faedah pasaran secara bersama.</li> </ul>
<b>(3) Mobiliti modal dan tenaga kerja</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kerjasama blok ekonomi dan persefahaman perjanjian perdagangan telah menggalakkan pengaliran modal dan tenaga buruh mahir dan separa mahir secara bebas.</li> <li>ii. Pertambahan sumber modal dan tenaga buruh yang mahir akan meningkatkan daya saing dan daya pengeluaran yang menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara.</li> </ul>

iii. Contohnya, syarikat multinasional Malaysia seperti Top Glove, Public Bank Berhad, dan Petronas Berhad telah berpeluang meningkatkan pelaburan mereka ke pasaran seluruh dunia.

**(4) Peningkatan pelaburan langsung asing (FDI)**

- i. Kerjasama dan permuafakatan dengan negara yang maju akan membawa masuk pelaburan langsung asing dan teknologi baharu kepada negara sedang membangun yang kekurangan kepakaran dalam industri berteknologi tinggi (HITEC).
- ii. Penubuhan pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pengendalian kursus kemahiran yang moden telah membuka lebih banyak peluang kepada tenaga pekerja tempatan untuk mempelajari dan menguasai teknologi yang terkini dan canggih.
- iii. Corak perniagaan yang moden seperti persidangan video, e-dagang dan e-perbankan membolehkan peniaga dan pengguna menjalankan urusan niaga lebih cepat lancar.
- iv. Kadar pertumbuhan ekonomi negara yang pesat dan mampan akan menyumbang kepada peningkatan dalam pendapatan negara.

**(5) Pertambahan peluang pekerjaan**

- i. Kemasukan pelabur asing dan pengaliran masuk modal yang banyak telah membawa pembangunan yang pesat kepada industri di negara membangun dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.
- ii. Kadar pengangguran yang semakin berkurang telah membantu meningkatkan taraf hidup rakyat dan memutuskan lingkaran kemiskinan yang berlanjutan di negara sedang membangun.
- iii. Negara sedang membangun di Asia Pasifik seperti Malaysia, Thailand, Vietnam, dan China yang banyak menghasilkan keluaran industri telah memperoleh keuntungan melalui pengeluaran berskala besar, pengukuhan rangkaian pasaran, dan persaingan yang lebih sihat.

**(6) Peningkatan daya saing negara dan kualiti barangan**

- i. Pembukaan pasaran perdagangan antarabangsa yang lebih luas dalam kalangan negara anggota membolehkan produk industri negara dipasarkan dengan meluas dan menguntungkan.
- ii. Peningkatan kecekapan pengeluaran akan meminimumkan kos pengeluaran, menawarkan barang pada harga yang lebih murah, dan pilihan barang yang lebih pelbagai.


**(7) Perkongsian sumber tenaga dan bahan mentah**

- i. Negara yang tidak mempunyai bekalan tenaga yang mencukupi untuk menggerakkan sektor perindustrian dalam negara.
- ii. Negara yang maju dalam sektor perindustrian boleh membeli bahan mentah yang mencukupi dari negara sedang membangun yang terlibat dengan sektor pertanian dan perladangan.
- iii. Contohnya, Jepun dan negara di Eropah terpaksa bergantung kepada negara-negara Teluk dan negara-negara Asia yang lain untuk mendapatkan bekalan petroleum dan bahan mentah untuk pembangunan sektor perindustrian negara.

**(8) Penjagaan alam sekitar**

- i. Negara-negara anggota blok ekonomi seperti ASEAN, APEC, dan EU telah mencapai persefahaman dalam urusan penjagaan alam sekitar secara kolektif, khususnya dalam menangani masalah alam sekitar seperti pencemaran laut dan udara, jerebu, kesan runiah hijau, dan permasalahan marin.
- ii. Negara-negara anggota bermuafakat menjalankan usaha sama dalam membuat pengesanan, rondaan, kawal selia, pengawasan, dan pemuliharaan apabila berlaku masalah pengurusan dan penjagaan alam sekitar.

**Kesan Negatif Blok Ekonomi Dan Perjanjian Perdagangan**



Kesan Negatif Blok Ekonomi Dan Perjanjian Perdagangan
<p><b>(1) Kegawatan ekonomi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kebebasan aliran masuk keluar modal antarabangsa boleh menggugat kestabilan sistem kewangan negara anggota tanpa pengawalan yang sistematik.</li> <li>ii. Tindakan menarik keluar modal asing secara mendadak akan menyebabkan ekonomi sesebuah negara mengalami kegawatan dan operasi pengeluaran industri boleh tergugat.</li> <li>iii. Hal ini akan menyebabkan kadar pengangguran negara meningkat dan fenomena ketidakstabilan dalam pasaran ekuiti serta pertukaran asing.</li> </ul>
<p><b>(2) Tekanan ekonomi dan bebanan hidup golongan miskin</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Dengan perjanjian perdagangan yang ditandatangani, ini akan membawa kepada penghapusan hak-hak keistimewaan dan subsidi kepada golongan miskin dan kurang bernasib baik.</li> <li>ii. Tindakan ini akan menyebabkan peningkatan dalam harga barangan dan kos sara hidup rakyat tempatan yang semakin membebankan.</li> <li>iii. Isi rumah terpaksa berhadapan dengan masalah inflasi berikutan kejatuhan kadar upah, kejatuhan dalam kutipan hasil cukai kerajaan dan akhirnya akan menggugat kedudukan kewangan kerajaan.</li> </ul>
<p><b>(3) Corak penjajahan baharu ekonomi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Dasar ekonomi negara yang terbuka mudah membawa kepada kemunculan kuasa monopoli ekonomi dalam sesebuah negara.</li> <li>ii. Contohnya, kuasa monopoli syarikat gergasi dalam sektor kewangan tempatan dan kawalan operasi ekonomi oleh pelabur asing yang menjaga kepentingan diri.</li> <li>iii. Sumber kekayaan ekonomi terutamanya di negara sedang membangun akan dikuasai oleh dana asing yang mengutamakan keuntungan maksimum semata-mata tanpa mengambil kira kebajikan golongan yang kurang kemampuan.</li> <li>iv. Syarikat multinasional asing cenderung mengeksploitasi tenaga pekerja tempatan dengan kadar upah yang lebih rendah dengan beban kerja yang banyak.</li> <li>v. Wujud kuasa monopoli banj perdagangan tempatan oleh syarikat gergasi dan kawalan ekonomi oleh pelabur asing bagi menjaga kepentingan masing-masing.</li> </ul>

<p><b>(4) Masalah lambakan barang</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Lambakan merupakan aktiviti menjual sesuatu barang di negara asing dengan harga yang lebih rendah, bertujuan untuk menghabiskan lebih penawaran dalam negeri atau mengusir pesaing dan mewujudkan kuasa monopoli di pasaran dunia.</li> <li>ii. Wujudnya lambakan barang import yang dijual dengan harga rendah dan kurang berkualiti.</li> <li>iii. Tindakan lambakan akan menjejaskan industri muda tempatan, peluang pekerjaan penduduk, pendapatan isi rumah dan juga pendapatan negara.</li> <li>iv. Contohnya, produk keluaran China, Indonesia, dan Thailand yang lebih murah harganya sering menjadi pilihan penduduk Malaysia berbanding dengan barangan buatan tempatan.</li> </ul>
<p><b>(5) Ancaman kepada industri muda tempatan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penghapusan dasar perlindungan terhadap keluaran tempatan akan menyebabkan pengeluar tempatan terpaksa bersaing dengan barangan dari luar negara.</li> <li>ii. Tindakan penggabungan dan pengambilalihan oleh syarikat multinasional akan menyebabkan syarikat atau industri tempatan yang kecil dan sederhana (IKS) menghadapi ancaman kerana tidak mampu bersaing dengan syarikat besar dari luar negara.</li> <li>iii. Contohnya, dalam industri automotif, teknologi maklumat dan pengeluaran ubat-ubatan yang dikuasai oleh negara maju melalui tingkat teknologi dan ekonomi bidang/berskala besar.</li> </ul>
<p><b>(6) Pencemaran terhadap budaya tempatan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Budaya luar yang tidak sesuai dengan budaya setempat dapat disebarkan melalui internet dan televisyen satelit.</li> <li>ii. Generasi muda senang terikut-ikut sehingga menyebabkan nilai dan budaya tempatan yang murni terhakis dan seterusnya membawa kepada keruntuhan akhlak dalam kalangan anak tempatan.</li> </ul>

### 2.3 Imbangan Pembayaran

#### 2.3.1 Komposisi Dagangan dan Arah Aliran Perdagangan Malaysia



#### Komposisi eksport

- Barang dan perkhidmatan yang dijual oleh Malaysia kepada rakyat di negara asing dikenal sebagai eksport.

**(A) Eksport barang nampak**

1. Merujuk kepada barang nyata yang dikeluarkan dalam Malaysia dan dijual ke luar negara.

a) Pertanian	- Hasil pertanian iaitu minyak kelapa sawit, getah, kayu gergaji dan kayu balak, koko, dan lada hitam.
b) Perlombongan	- Hasil keluaran daripada sektor perlombongan iaitu cati gali sumber semula jadi. - Contohnya, minyak mentah, gas asli cecair, dan bijih timah.
c) Pembuatan	- Hasil keluaran sektor perkilangan - Contohnya, barang elektrik dan elektronik, perkakas litar elektrik, marjerin, kain kapas serta kapur dan simen, pakaian dan perabot.

**(B) Eksport barang tak nampak**

1. Merujuk perkhidmatan yang disediakan oleh rakyat tempatan kepada rakyat negara asing.

a) Perkhidmatan pelancongan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbelanjaan pelancong, pelajar, ahli sukan dan pesakit asing di Malaysia.</li> <li>• Seperti penginapan, makanan, hiburan, pengangkutan domestik, hadiah dan cenderamata yang diperoleh oleh pelawat asing ketika berada di Malaysia.</li> </ul>
b) Perkhidmatan pengangkutan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bayaran tambang (Freight) yang diterima oleh firma perkapalan tempatan, tambang penumpang, bayaran kemudahan lapangan terbang dan bayaran parkir pesawat serta bayaran perkhidmatan pos dan kurier daripada firma asing atau rakyat asing.</li> </ul>
c) Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkhidmatan telekomunikasi seperti radio dan televisyen, perisian komputer dan perkhidmatan maklumat seperti berita daripada firma tempatan yang dilanggan oleh rakyat asing.</li> </ul>
d) Perkhidmatan pembinaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dilaksanakan oleh rakyat Malaysia atau firma Malaysia di luar negara termasuk pembinaan bangunan, pemasangan jentera serta perkhidmatan penyewaan peralatan pembinaan.</li> </ul>
e) Perkhidmatan insurans dan pencen	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkhidmatan menyediakan insurans hayat, insurans bukan hayat, insurans semula, insurans tambang muatan, pencen dan perkhidmatan tambahan kepada insurans oleh firma insurans Malaysia kepada rakyat asing dan firma asing.</li> </ul>
f) Perkhidmatan kewangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Caj dan bayaran perkhidmatan kewangan untuk simpanan atau pinjaman, bayaran pengurusan aset, bayaran perkhidmatan operasi, dan pengawalseliaan</li> </ul>

	pasaran kewangan yang diterima oleh rakyat tempatan dan firma tempatan dari luar negara.
g) Perkhidmatan perkilangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bayaran yang diterima oleh firma tempatan yang menyediakan perkhidmatan pemprosesan kepada pemilik barangan bagi aktiviti pembuatan seperti pengumpulan, pembungkusan atau pelabelan</li> </ul>
h) Bayaran penggunaan harta intelek	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bayaran bagi penggunaan hak intelek seperti paten, cap dagang, hak cipta, reka cipta, proses industri, rahsia perdagangan dan francais.</li> </ul>
i) Perkhidmatan peribadi, budaya dan rekreasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkhidmatan berkaitan audiovisual, akses, sewaan audiovisual, bayaran kepada pelakon, pengarah dan pengeluar, perkhidmatan pendidikan, perkhidmatan kesihatan, perkhidmatan sukan, rekreasi dan hiburan yang disediakan oleh rakyat Malaysia kepada rakyat asing.</li> </ul>

### (A) Import Barang Nampak

1. Merujuk kepada barang nyata yang dibeli oleh rakyat Malaysia daripada luar negara.

a) Barang pengantara	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Barang ini diimport dan diproses semula menjadi barang siap.</li> <li>• Contoh: makanan dan minuman, bahan api dan pelincir serta alat ganti dan kelengkapan pengangkutan.</li> </ul>
b) Barang modal (pelaburan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Barang yang diimport dari luar negara untuk membantu proses pengeluaran serta meningkatkan keupayaan pengeluaran firma.</li> <li>• Contoh: mesin, jentera, peralatan dan kelengkapan.</li> </ul>
c) Barang pengguna	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Barangan ini diimport untuk kegunaan pengguna akhir.</li> <li>• Contoh: perabot, kenderaan, makanan dan minuman serta pakaian.</li> </ul>

### (B) Import Barang Tak Nampak

1. Bermaksud perkhidmatan yang ditawarkan oleh rakyat asing kepada rakyat Malaysia.


- |   |   |
|---|---|
| a. Perkhidmatan pelancongan                           | f. Perkhidmatan kewangan                      |
| b. Perkhidmatan pengangkutan                          | g. Perkhidmatan peribadi, budaya dan rekreasi |
| c. Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat | h. Perkhidmatan perkilangan                   |
| d. Perkhidmatan pembinaan                             | i. Bayaran penggunaan harta intelek           |
| e. Perkhidmatan insurans dan pencen                   |   |

### 2.3.2 *Imbangan Pembayaran*

1. Satu rekod sistematik tentang jumlah penerimaan dan jumlah pembayaran kewangan sesebuah negara dengan negara lain dalam tempoh satu tahun.
2. Akaun imbangan pembayaran melibatkan rekod butiran debit dan kredit.

Debit	Kredit
<p><b>Pembayaran kewangan</b>                      Contoh : Rakyat Malaysia membelajankan RM4 000 semasa bercuti di Korea</p>	<p><b>Penerimaan Kewangan</b>                      Contoh : Syarikat penerbangan Malaysia menerima bayaran tambang daripada Syarikat China</p>


3. Terdiri daripada tiga komponen utama:



Komponen Utama		Butiran
<b>Akaun Modal</b>	Merekod perubahan bersih dalam pemilikan aset.	i. Perolehan / Pelupusan aset bukan kewangan ii. Pindahan modal
<b>Akaun Semasa</b>	Merekodkan nilai eksport dan import barang dan perkhidmatan serta pendapatan.	i. Akaun barangan ii. Akaun perkhidmatan iii. Akaun pendapatan primer iv. Akaun pendapatan sekunder
<b>Akaun Kewangan</b>	Merekod aliran masuk modal dan aliran keluar modal bagi sesebuah negara.	i. Pelaburan langsung ii. Pelaburan portfolio iii. Derivatif kewangan iv. Pelaburan lain

### 2.3.3 *Akaun Semasa dalam Imbangan Pembayaran*

1. Akaun semasa merekodkan nilai eksport dan import barang serta perkhidmatan dan juga pendapatan.
2. Terdiri daripada empat butiran utama:




**(1) Akaun Barangan**

- a) Merekodkan jumlah nilai eksport barang nampak dengan jumlah nilai import barang nampak.

$$\text{Imbangan dagangan} = \text{Jumlah nilai eksport barang nampak} - \text{Jumlah nilai import barang nampak}$$

- b) Terdapat tiga jenis imbangan dagangan iaitu:




**(2) Akaun Perkhidmatan**

- c) Merekodkan eksport dan import barang tak nampak dalam negara.

$$\text{Imbangan perkhidmatan} = \text{Jumlah nilai eksport barang tak nampak} - \text{Jumlah nilai import barang tak nampak}$$

- d) Antara beberapa butiran penting yang direkodkan ialah penerimaan dan pembayaran daripada aktiviti seperti:




**(3) Akaun Pendapatan**

- e) Merekodkan penerimaan dan pembayaran pendapatan oleh sesebuah negara.

$\text{Imbangan akaun pendapatan} = \text{Jumlah penerimaan pendapatan} - \text{Jumlah pembayaran pendapatan}$
--

- f) Pendapatan tersebut terdiri daripada dua sumber :




**2.3.4 Defisit dan Lebihan Akaun Semasa**

1. Akaun semasa merekodkan semua nilai penerimaan dan pembayaran negara dalam akaun barangan, perkhidmatan dan juga pendapatan.
2. Berdasarkan jumlah penerimaan dan pembayaran daripada ketiga-tiga akaun, akaun semasa boleh dibahagikan kepada dua jenis seperti yang berikut :


<b>i) Lebihan Akaun Semasa</b>	Jumlah penerimaan kewangan lebih besar daripada jumlah pembayaran kewangan dalam akaun semasa.
<b>ii) Defisit Akaun Semasa</b>	Jumlah pembayaran kewangan lebih besar daripada jumlah penerimaan kewangan dalam akaun semasa

**2.3.5 Sebab dan Implikasi Lebihan dan Defisit Akaun Semasa**

- a) Lebihan akaun semasa berlaku apabila jumlah penerimaan kewangan melebihi jumlah pembayaran kewangan dalam akaun semasa.
- Faktor-faktor yang menyebabkan lebihan akaun semasa ialah :




- b) Defisit akaun semasa berlaku apabila jumlah pembayaran kewangan melebihi jumlah penerimaan kewangan dalam akaun semasa.
- Faktor-faktor yang menyebabkan defisit akaun semasa ialah :
  -




Sebab Lebih Akaun Semasa	Sebab Defisit Akaun Semasa
<p><b>1. Permintaan yang tinggi untuk eksport</b> - disebabkan oleh</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a.peningkatan daya saing sektor perkilangan</li> <li>b.kejatuhan nilai mata wang</li> <li>c.peningkatan pendapatan di negara-negara yang mengimport barang atau perkhidmatan</li> </ul>	<p><b>1. Permintaan yang rendah untuk eksport</b> - disebabkan oleh</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a.penurunan daya saing dalam sektor perkilangan</li> <li>b.kenaikan nilai mata wang Malaysia</li> <li>c.penurunan pendapatan di negara-negara yang mengimport barang atau perkhidmatan.</li> </ul>
<p><b>2. Permintaan yang rendah untuk import</b> - disebabkan oleh</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a.kecenderungan rakyat tempatan mengutamakan barang dan perkhidmatan tempatan</li> <li>b.kejatuhan nilai mata wang di negara rakan dagang</li> <li>c.berlaku inflasi di negara rakan dagang</li> </ul>	<p><b>2. Permintaan yang tinggi untuk import</b> - disebabkan oleh</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a.Kecenderungan rakyat tempatan mengutamakan barang dan perkhidmatan import</li> <li>b.Peningkatan import barang pengantara dan barang modal</li> <li>c.Kenaikan nilai mata wang Malaysia</li> </ul>
<p><b>3. Peningkatan produktiviti</b> - disebabkan oleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a.Peningkatan kemahiran buruh</li> <li>b.Penggunaan kaedah pengeluaran yang lebih efisien yang membawa kepada peningkatan pengeluaran dengan kos purata yang rendah</li> </ul>	<p><b>3. Penurunan produktiviti</b> - disebabkan oleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Buruh yang kurang mahir</li> <li>b. Penggunaan kaedah pengeluaran yang kurang efisien yang membawa kepada pengurangan pengeluaran</li> </ul>

<p><b>4. Peningkatan penerimaan pendapatan primer dan sekunder</b>                  a. Akan mendorong kepada lebih akaun semasa                  b. Misalnya lebih banyak keuntungan diterima daripada pelaburan di luar negara serta kiriman wang daripada rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara.</p>	<p><b>4. Peningkatan pembayaran pendapatan primer dan sekunder</b>                  a. Akan mendorong kepada defisit akaun semasa.                  b. Misalnya, lebih banyak keuntungan yang diterima oleh pelabur asing dalam negara serta kiriman wang ke luar negara oleh rakyat asing yang bekerja di sesebuah negara.</p>
	<p><b>5. Kekurangan inovasi dan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&amp;D)</b>                  a. Kekurangan aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R&amp;D) menyebabkan kekurangan penciptaan barang dan perkhidmatan yang baharu.                  b. Tahap inovasi yang rendah akan mengurangkan daya saing produk sesebuah negara di pasaran antarabangsa.                  c. Keadaan ini menyebabkan permintaan terhadap eksport barang jatuh dan mendorong kepada defisit akaun semasa.</p>

- c) Lebihan akaun semasa membawa kesan positif terhadap ekonomi sesebuah negara.
- Implikasi lebihan akaun semasa dapat dilihat dalam aspek yang berikut :




- d) Defisit akaun semasa membawa kesan negatif terhadap ekonomi sesebuah negara.
- Implikasi defisit akaun semasa dapat dilihat dalam aspek-aspek yang berikut :



Implikasi Lebihan Akaun Semasa	Implikasi Defisit Akaun Semasa
<b>1. Peningkatan dalam pendapatan negara</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Peningkatan permintaan untuk barang eksport akan meningkatkan pengeluaran barang dan perkhidmatan dalam negara.</li> </ul>	<b>1. Penurunan dalam pendapatan negara</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Disebabkan oleh penurunan permintaan terhadap eksport barang dan perkhidmatan yang mengurangkan pengeluaran barang dan perkhidmatan dalam negara.</li> </ul>
<b>2. Peningkatan guna tenaga</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Peningkatan permintaan untuk barang eksport mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan dan mengurangkan kadar pengangguran dalam negara.</li> </ul>	<b>2. Penurunan guna tenaga</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Penurunan permintaan terhadap eksport barang dan perkhidmatan mengurangkan peluang pekerjaan dalam negara dan meningkatkan kadar pengangguran dalam negara.</li> </ul>
<b>3. Peningkatan taraf hidup</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kewujudan peluang pekerjaan meningkatkan pendapatan masyarakat dan meningkatkan kuasa beli dan taraf hidup penduduk.</li> </ul>	<b>3. Penurunan taraf hidup</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Peluang pekerjaan yang terhad menyebabkan pendapatan masyarakat merosot dan menurunkan kuasa beli dan taraf hidup penduduk.</li> </ul>
<b>4. Peningkatan kadar pertukaran asing</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Peningkatan permintaan terhadap eksport menambahkan permintaan terhadap mata wang tempatan di pasaran luar negara dan ini dapat meningkatkan kadar pertukaran asing.</li> </ul>	<b>4. Penurunan kadar pertukaran asing</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Penurunan permintaan terhadap eksport barang dan perkhidmatan mengurangkan permintaan terhadap mata wang tempatan di pasaran luar negara dan seterusnya menurunkan kadar pertukaran asing.</li> </ul>
<b>5. Inflasi</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Permintaan yang tinggi terhadap barang dan perkhidmatan menaikkan harga barang dan perkhidmatan dan boleh membawa kepada peningkatan kadar inflasi.</li> </ul>	

### Cara Mengatasi Defisit Akaun Semasa


- Kerajaan boleh mengatasi masalah ini melalui beberapa tindakan berikut:



## 2.4 Kadar Pertukaran Asing

### 2.4.1 Pertukaran Asing

- Maksud : Pertukaran asing merujuk kepada mata wang negara lain yang dimiliki oleh sesebuah negara.
- Kepentingan pertukaran asing :



Kepentingan pertukaran asing	Huraian
1. Membiayai import	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Malaysia mengimport barangan Jepun dan membayar menggunakan mata wang Yen.</li> </ul>
2. Membayar balik pinjaman luar negara	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mata wang asing diperlukan untuk membayar hutang negara yang dibuat dari negara lain.</li> </ul>
3. Membuat pelaburan di luar negara	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Negara yang mempunyai banyak pertukaran asing akan menggalakkan rakyatnya melabur di luar negara untuk memperoleh pulangan yang lebih tinggi.</li> </ul>
4. Mempertahankan nilai mata wang negara	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nilai mata wang tempatan berbanding mata wang asing tertentu boleh dikawal oleh bank negara dengan membeli atau menjual mata wang negara di pasaran mata wang asing.</li> <li>• Bank pusat sesebuah negara akan menggunakan rizab asing negara untuk membeli mata wang negara apabila nilainya jatuh dan sebaliknya.</li> </ul>

### 2.4.2 Pengiraan Kadar Pertukaran Asing

1. Kadar pertukaran asing merujuk kepada harga mata wang sesebuah negara yang dinyatakan dalam nilai mata wang asing.
  - Contohnya, kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia dengan Dolar Amerika ialah  $RM4.4250 = USD 1$ .
2. Harga kadar pertukaran asing ditentukan apabila berlaku keseimbangan permintaan dan penawaran mata wang asing di pasaran.

- Nilai sesuatu mata wang akan meningkat (menurun) apabila berlaku lebihan permintaan (penawaran).

3.

Harga Jualan Mata Wang	Harga Belian Mata Wang
Harga jualan mata wang bermaksud harga bank atau <i>money trader</i> menjual mata wang asing untuk mendapatkan mata wang tempatan sesebuah negara	Harga belian mata wang merujuk kepada harga bank atau <i>money trader</i> membeli mata wang asing dengan menukarkan mata wang tempatan sesebuah negara.


Jadual di bawah menunjukkan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia dengan Dolar Amerika:

**Situasi:**

Unit	Mata Wang	Harga Belian (RM)	Harga Jualan (RM)
1	Dolar Amerika USD	4.4250	4.4290

(a) Menukarkan Ringgit Malaysia kepada mata wang asing	(b) Menukarkan mata wang asing kepada Ringgit Malaysia
Andaikan seorang pengimport di Malaysia telah mengimport barang elektronik yang bernilai RM796 500 dari Amerika Syarikat. Berapakah jumlah mata wang Dolar Amerika yang diperlukan oleh pengimport tersebut untuk membuat bayaran kepada pengeksport di Amerika Syarikat?	Andaikan seorang pengimport di Amerika Syarikat telah mengimport barang yang bernilai USD36 000 dari Malaysia. Berapakah jumlah mata wang Ringgit Malaysia yang diperlukan oleh pengimport tersebut untuk membuat bayaran kepada pengeksport di Malaysia?
<b>Cara penyelesaian:</b> Bank atau <i>money trader</i> akan menjual Dolar Amerika kepada pengimport dan menerima bayaran dalam Ringgit Malaysia. Oleh itu, harga jualan akan digunakan dalam pengiraan ini. Berdasarkan maklumat pertukaran asing yang diberikan, harga jualan bagi satu unit Dolar Amerika ialah RM4.4290.	<b>Cara penyelesaian:</b> Bank atau <i>money trader</i> akan membeli Dolar Amerika daripada peniaga dan membayar dalam Ringgit Malaysia. Oleh itu, harga belian akan digunakan dalam pengiraan ini. Berdasarkan maklumat pertukaran asing yang diberikan, harga belian bagi satu unit Dolar Amerika ialah RM4.4250.
$\frac{\text{USD1} = \text{RM4.4290}}{\text{RM796500}} \times \text{RM796500} = \text{USD 179837.435}$	$\frac{\text{USD1} = \text{RM4.4250}}{\text{USD 36000}} \times \text{USD 36000} = \text{RM159 300}$

Hubungan antara mata wang tempatan dengan mata wang asing adalah seperti yang berikut :



### 2.4.3 Faktor yang Mempengaruhi Permintaan dan Penawaran Mata Wang Asing


- Harga belian dan jualan mata wang asing adalah dipengaruhi oleh permintaan dan penawaran mata wang tersebut dalam pasaran pertukaran asing.
- Antara faktor yang mempengaruhi permintaan dan penawaran mata wang asing adalah seperti yang berikut:

Faktor	Kesan	
	Permintaan DD / Penawaran SS RM	Perminaraan DD / Penawaran SS Wang Asing (USD)
Eksport negara (Malaysia) ↑	DD RM ↑	SS USD ↑ untuk membeli RM
Eksport negara (Malaysia) ↓	DD RM ↓	SS USD ↓ untuk membeli RM
Import negara (Malaysia) ↑	SS RM ↑ untuk membeli USD	DD USD ↑ untuk membeli RM
Import negara (Malaysia) ↓	SS RM ↓ untuk membeli USD	DD USD ↓ untuk membeli RM
Kadar faedah (Malaysia) ↑	DD RM ↑	SS USD ↑ untuk melabur di Malaysia
Kadar faedah (Malaysia) ↓	DD RM ↓	SS USD ↓ untuk melabur di Malaysia
Kadar faedah (Amerika Syarikat) ↑	SS RM ↑ untuk melabur di Amerika Syarikat	DD USD ↑

<b>Kadar faedah (Amerika Syarikat) ↓</b>	SS RM ↓ untuk melabur di Amerika Syarikat	DD USD ↓
<b>Cita rasa pengguna terhadap barangan import berkurang</b>	SS RM ↓	DD USD ↓
<b>Cita rasa pengguna terhadap barangan import bertambah</b>	SS RM ↑	DD USD ↑
<b>Spekulasi Mata Wang Diramalkan RM akan naik masa depan</b>	DD RM sekarang ↑	SS USD ↑ untuk membeli RM
<b>Spekulasi Mata Wang Diramalkan RM akan turun masa depan</b>	DD RM ↓	SS USD ↓ untuk membeli RM

**2.4.4 Analisis Penentuan dan Perubahan Kadar Pertukaran Asing**

- Penentuan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Dolar Amerika (USD) dapat diterangkan melalui rajah berikut:



- Keseimbangan, titik  $E_0$ , keluk permintaan Dolar Amerika (DD) bersilang dengan keluk penawaran Dolar Amerika (SS) pada kadar pertukaran USD1.00 = RM4.50.
- Andaikan kadar pertukaran meningkat menjadi USD1.00 = RM5.00, ini bermakna nilai RM telah mengalami kejatuhan nilai.
- Keadaan ini akan menyebabkan wujudnya lebih penawaran Dolar Amerika sebanyak  $Q_1$   $Q_2$  dalam pasaran.

- d. Lebih penawaran Dolar Amerika menyebabkan kadar pertukaran cenderung untuk menurun sehingga mencapai keseimbangan semula pada titik E0 iaitu keluk DD bersilang dengan keluk SS pada kadar pertukaran USD1.00 = RM4.50.
- e. Sebaliknya, andaikan kadar perlukaran menurun menjadi USD1.00 - RM4.00, ini bermakna nilai RM mengalami kenaikan nilai.
- f. Keadaan ini menyebabkan wujudnya lebih permintaan Dolar Amerika sebanyak  $Q_1$   $Q_2$  dalam pasaran.
- g. Lebih permintaan Dolar Amerika menyebabkan kadar perlukaran cenderung untuk naik sehingga mencapai keseimbangan semula pada titik E0 iaitu keluk DD bersilang dengan keluk SS pada kadar pertukaran USD1.00 = RM4.50.

### 2.4.5 Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing terhadap Eksport dan Import

1. Kesan perubahan kadar pertukaran RM ke atas eksport dan import Malaysia.

Kenaikan Kadar Pertukaran RM	Penurunan Kadar Pertukaran RM
S\$1.00 = RM 2.90 ↓ S\$1.00 = RM 2.50	S\$1.00 = RM 2.90 ↓ S\$1.00 = RM 3.50
<b>Kesan perubahan:</b> a. nilai RM naik b. jumlah eksport menurun c. jumlah import bertambah d. harga eksport barang nampak lebih mahal e. harga import barang nampak lebih murah f. imbalan dagangan negatif / kurangan.	<b>Kesan perubahan:</b> a. nilai RM jatuh b. jumlah eksport meningkat c. jumlah import berkurang d. harga eksport barang nampak lebih murah e. harga import barang nampak lebih mahal f. imbalan dagangan positif / lebihan

2. Kesan perubahan import dan eksport terhadap kadar pertukaran RM

<b>Bentuk sekatan PAB</b> seperti tarif / kuota / kawalan pertukaran asing / subsidi / sekatan bukan ekonomi akan menyebabkan <b>perubahan import dan eksport.</b>	
Kenaikan barang nampak eksport	Penurunan barang nampak import
<b>Kesan perubahan:</b> a. Permintaan RM meningkat b. Permintaan > penawaran c. Kadar pertukaran RM meningkat	<b>Kesan perubahan:</b> a. Penawaran RM menurun b. Permintaan > penawaran c. Kadar pertukaran RM meningkat
Kenaikan barang nampak import	Penurunan barang nampak eksport
<b>Kesan perubahan:</b> a. Penawaran RM meningkat b. Penawaran > permintaan c. Kadar pertukaran RM menurun	<b>Kesan perubahan:</b> a. Permintaan RM menurun b. Penawaran > permintaan c. Kadar pertukaran RM menurun